

Jilid III  
Bil. 44



Hari Khamis  
20hb Disember, 1973

**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETIGA  
*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KETIGA  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5081]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1974:**

**Jawatankuasa—**

**Jadual—**

**Kepala B. 1 hingga B. 11 dan B. 13 [Ruangan 5117]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1974:**

**Jawatankuasa—**

**Kepala P. 7 dan P. 9 [Ruangan 5117]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KETIGA**

---

Hari Khamis, 20hb Disember, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR:**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ Tuan HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

- Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ Wan MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).

Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).

- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berhormat TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW (Dilantik).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suho bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### JAWATANKUASA BERTINDAK PERINDASTRIAN

1. **Tuan Edwin anak Tangkun** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pasukan Khas Perusahaan yang dibentuk baru-baru ini di Sarawak bagi memajukan perkembangan perusahaan di negeri ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, sebuah Jawatankuasa Bertindak Perindustrian telah ditubuhkan di dalam negeri Sarawak pada awal tahun 1972. Ini adalah satu daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Sarawak setelah dibubarkan Jawatankuasa Pembangunan Perindustrian Negeri (State Industrial Development Committee) pada akhir bulan Januari, 1972.

Jawatankuasa Bertindak ini adalah dipengerusikan oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan ahli-ahlinya terdiri dari Ketua-ketua Jabatan yang berkaitan dengan perkembangan perusahaan iaitu Pengarah Yunit Perancang Negeri Sarawak, Pengerusi Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan Penolong Pengarah Bahagian Perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Yunit Perancang Negeri adalah juga Urusetia (Secretariat) kepada Jawatankuasa ini. Di antara tugas-tugas Jawatankuasa Bertindak ini termasuk:

- (a) menyelaras kegiatan-kegiatan Jabatan Kerajaan yang berkaitan dengan perkembangan perindustrian;
- (b) mengkaji kemungkinan-kemungkinan yang ada di dalam lapangan perindustrian dan mengemukakan kepada pihak Kerajaan cadangan-cadangan untuk dilaksanakan;

- (c) mengkaji dan meneliti cadangan-cadangan projek perindustrian tertentu yang dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri;

- (d) mengawasi pelaksanaan satu-satu projek terutama projek-projek perindustrian yang besar dan penting bagi ekonomi negeri Sarawak serta projek-projek yang dikendalikan oleh Kerajaan atau badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan; dan

- (e) menyelaras urusan-urusan penggalakan (promotion) bagi penubuhan kilang-kilang perindustrian di negeri Sarawak.

Setakat ini kegiatan-kegiatan yang telah dijalankan adalah termasuk penyelarasan dan pengawasan projek-projek perindustrian termasuk pelaksanaan rancangan-rancangan membuka kawasan-kawasan perindustrian seperti di Pending, Kuching dan juga cadangan pembangunan kawasan perindustrian baru dekat Sibul.

**Tuan Edwin anak Tangkun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Task Force Committee itu telah ditubuhkan pada akhir tahun 1972, sekarang sudah sampai dua tahun, tetapi saya ingin tahu oleh kerana di Bahagian Kedua satu pun kilang belum lagi ditubuhkan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menimbangkan supaya dalam Bahagian Kedua ataupun kawasan Batang Lupar ditimbangkan supaya ada industri-industri ditubuhkan di masa akan datang.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, dari peringkat Kerajaan Pusat kita bolehlah meluluskan satu-satu industri itu untuk datang ke negeri-negeri yang berkenaan. Tetapi terpulanglah kepada negeri-negeri yang berkenaan memastikan di manakah satu-satu industri itu akan dapat didirikan dan memandang kepada setahu saya cuma dua sahaja kawasan perindustrian yang sedang ataupun telah disediakan, maka soal ini haruslah dikemukakan di peringkat negeri Sarawak sendiri.

**Tuan Luhut Wan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dapatkah Yang Berhormat Menteri memberitahu berapa banyak bumiputra di Negeri Sarawak yang telah melibatkan diri di dalam bidang perniagaan, khususnya di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini.

**Datuk Musa Hitam:** Itu soal lain.

### KEKURANGAN BATANG BESI

**2. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan besi, khususnya besi untuk kegunaan membuat rumah. Apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan supaya harganya sederhana.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang kukuh untuk mengatasi kekurangan batang-batang besi dan langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) semua pengilang-pengilang besi adalah diarah supaya menambahkan pengeluaran batang-batang besi bulat (M.S.R.B.) dengan mengurangkan pengeluaran bahan-bahan besi lain seperti batang-batang besi rata (flat bars) yang tidak mempunyai permintaan yang banyak pada masa ini;
- (ii) pengecualian cukai impot adalah diberi ke atas pengimpotan batang-batang besi bagi semua ukuran mulai 1hb November, 1973 untuk menggalakkan pengimpotan batang-batang besi tersebut bagi menampung pengeluaran tempatan; dan
- (iii) penganan larangan eksepot ke atas semua bahan-bahan besi tempatan bagi menentukan bahawa keperluan pasaran tempatan diberi keutamaan.

Sayugia diingat dalam ucapan saya ketika menggulung Perbahasan mengenai Rang Undang-undang Bekalan, 1974 dan Usul Anggaran Pembangunan, 1974 semalam, saya telah menyatakan bahawa Kementerian saya telahpun selesai membuat kajian berhubung dengan soal indatastri besi waja dalam negeri ini pada keseluruhannya. Hasil daripada kajian ini dan perakuan-perakuannya akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan dan dibuat keputusan muktamat.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, ada di antara kilang-kilang besi di negeri kita ini yang menjual besinya lebih mahal daripada kilang besi yang lain yang telah ditetapkan oleh Kerajaan atau diarahkan oleh Kerajaan, jadi apa tindakan

Kerajaan yang berkesan terhadap kilang-kilang itu. Saya boleh sebutkan namanya di sini iaitu Malayan Steel di Kuala Lumpur ini yang menjual lebih mahal daripada kilang-kilang yang lain.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya pihak Kementerian saya di bawah Akta Kawalan ada kuasa untuk memastikan harga besi diperingkat pengeluaran (ex-factory). Tetapi oleh sebab keadaan pasaran yang begitu berkehendakan besi pada masa ini, saya memang sedar bahawa ada beberapa pihak penjual besi yang telah menaikkan harganya jauh daripada harga ex-factory yang ditetapkan termasuklah dengan kiraan-kiraan kos-kos yang lain yang difikirkan berpatutan.

Dari segi kuasa pihak Kementerian tidak ada kuasa di peringkat undang-undang untuk mengkontrol dan memaksa penjual-penjual besi ini menjual dengan harga yang telah dipastikan. Walau bagaimanapun, dengan cara pentadbiran ataupun administrative means, Kerajaan boleh mencuba sedaya-upaya berikhtiar supaya pengilang-pengilang besi yang berkenaan itu mematuhi kepastian yang telah dibuat oleh Kerajaan dari segi kos yang harus dijual. Jadi kalau benarlah ada terjadi seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pihak kami setelah mendapat nama yang berkenaan akan cuba mengambil tindakan untuk mengatasi soal ini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, semua kilang-kilang di negeri kita adalah dipunyai oleh orang bersendirian dan besi-besi di negeri kita selalu tidak cukup. Oleh itu, adakah Kerajaan Malaysia bercadang menubuhkan satu kilang sendiri menggunakan iron ore yang dikeluarkan oleh negeri kita ini.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada satu integrated untuk memproses besi waja yang dipunyai sedikit sahaja (equity participation) dari Kerajaan. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi soal-soal yang sedang dihadapi oleh negara dalam segi perusahaan besi ini seperti saya sebutkan di dalam jawapan saya ini tadi kajian telahpun dibuat, dan soal ini semua akan dipertimbangkan bersama.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan apakah makna integrated itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak dengar.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya tidak faham apa erti integrated itu. Rakan saya pun tidak faham. Tolong beritahu.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengajar sangat Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi kalau kita hendak soal satu-satu barang itu dari segi ekonomi tolonglah pastikan sendiri, kalau tidak saya boleh beri dictionary yang berkenaan bolehlah dilihat dalam dictionary apa erti integrated.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu apakah nama kilang yang Kerajaan ada share di dalamnya?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, Malayawata.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, iron ore yang dipakai oleh Malayawata adakah iron ore yang dikorik dalam negeri kita atau dibeli dari negeri lain?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya daripada dalam negeri.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua oleh kerana di dalam negeri kita ini peratus keluaran iron ore 50% ke bawah adakah Kerajaan bercadang membuat iron billets factory pada masa akan datang untuk menghasilkan besi yang lebih banyak di dalam negeri kita.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tidak berubah, daripada apa yang saya kata tadi iaitu soal ini semua sedang dikaji oleh Kerajaan pada keseluruhannya, jadi satu-persatu tidak dapat dijawab.

**Tuan Valentine Cotter:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kekurangan besi-besi sekarang tidakkah perkara ini akan mengganggu projek-projek pembangunan kita yang masih dijalankan sekarang?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya kita hendak cuba mengatasinya.

## FOOTBALL MONEY

**3. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa tiap-tiap syarikat kewangan yang menjalankan perniagaan kereta-kereta telah dipakai mengenakan "football money" ke atas pembeli-pembelinya dan jika sedar, nyatakan wang untuk apakah "football money" itu dan adakah Kerajaan bercadang hendak menegah syarikat-syarikat itu dan mengenakan wang tersebut, kalau tidak kenapa.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa Seksyen 3 (2) dan 29 Akta Sewa-Beli, 1967 telahpun mengadakan peruntukan bahawa seseorang penjual tidak boleh mengenakan bayaran lebih dari jumlah bayaran-bayaran seperti berikut:

- (i) harga tunai;
- (ii) bayaran tambang, insuran dan pendaftaran, jika ada; dan
- (iii) faedah sebanyak 10% setahun di atas kita yang belum dibayar.

Apa-apa bayaran lain yang dikenakan oleh sipenjual itu akan melanggar peruntukan Akta tersebut. Saya suka mengambil kesempatan di sini menasihatkan orang ramai supaya mereka meminta resit-resit untuk *semua* bayaran wang yang dibuat di bawah perjanjian sewa-beli untuk dijadikan bukti.

Dalam tahun 1973 Kementerian saya telahpun mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak berkenaan seperti Persatuan-persatuan Pengguna, Pertubuhan-pertubuhan Kewangan Malaysia, Badan-badan Insuran, penjual-penjual dan juga syarikat-syarikat peguam berhubung dengan perkara ini. Hasil daripada perbincangan ini, adalah didapati bahawa langkah-langkah tegas telahpun diambil oleh syarikat-syarikat kewangan yang mana boleh menghapuskan amalan-amalan yang tidak dikehendaki ini.

## PERPADUAN—MENGERATKAN

**4. Dr Seevaratnam** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan samada beliau berpegang kepada pandangan-pandangan yang diulang-ulangi oleh pemimpin-pemimpin atas Kerajaan bahawa satu bahasa, satu ugama dan

satu kebudayaan akan mengeratkan perpaduan masyarakat berbilang kaum kita dan jika ya, berikan bukti-bukti konkrit tentang pengukuhan itu.

**Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat harus sedar tentang pandangan rasmi mengenai perkara-perkara yang beliau bangkitkan itu.

Kita adalah terlibat di dalam pembentukan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu, demokratik, adil, liberal dan progresif.

Nilai-nilai dan prinsip-prinsip hidup yang terkandung di dalam Rukunegara mencerminkan asas perpaduan dan keperibadian kita, dan manakala di sebalik prinsip-prinsip ini memang ada kerumitan-kerumitan yang timbul daripada masyarakat kita yang berbilang kaum, tetapi ianya juga merupakan keazaman kita untuk membentuk satu masyarakat Malaysia yang hidup (viable), di mana tiap-tiap rakyat Malaysia, dengan tidak mengira kaum atau agama dapat menikmati perasaan kasih kepada negara ini.

Maka dalam konteks inilah kita mesti melihat persoalan mengenai bahasa Kebangsaan, agama dan kebudayaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu mengatakan, dan di sini saya ingin mengulanginya sekali lagi, iaitu tidak ada sebab atau bukti bagi mana-mana individu atau kumpulan di negeri ini untuk merasai atau mengalami satu perasaan keciwa atau diabaikan. Kedudukan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tidak menghalang rakyat Malaysia dari mempelajari atau mengguna bahasa-bahasa lain. Begitu juga, rakyat Malaysia adalah bebas mengerjakan dan menganuti agama, adat resam dan kebudayaan mereka, walaupun agama Islam adalah agama rasmi negara ini.

Kita sedang membentuk kebudayaan dan keperibadian nasional kita. Asas kebudayaan nasional telahpun diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Persidangan Dewan Rakyat yang lalu, dan saya tidak akan mengulanginya lagi hari ini. Memadai bagi saya untuk mengatakan bahawa dalam tahun-tahun kebelakangan ini, sudah terdapat banyak penyerapan kebudayaan antara kebudayaan kaum Cina, India dan lain-lainnya di negeri ini dengan

kebudayaan Melayu dan kebudayaan kaum-kaum bumiputra yang lain. Rukunegara menyatakan dengan tegasnya cara pendekatan yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang begitu kaya :

“Kita mendokong cita-cita hendak memelihara wujudnya dan perkembangan satu masyarakat yang liberal di mana anggotanya bebas mengamalkan agama, adat resam dan kebudayaan masing-masing sesuai dengan kepentingan perpaduan Negara. Bangsa dan Negara Malaysia sesungguhnya mempunyai kebudayaan dan perbezaan kebudayaan yang khusus dalam kedua-dua bidang tradisi dan kebiasaan. Kami bercita-cita hendak mencipta satu masyarakat di mana keadaan berlainan kebudayaan itu boleh menguntungkan dan menjadi sumber kekuatan Bangsa dan Negara Malaysia”.

Ahli Yang Berhormat hendaklah yakin yang Kerajaan Perikatan, yang mana saya berbangga menjadi ahlinya, adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, dan penuh kesedaran akan tanggungjawabnya untuk menggalak dan memperkukuhkan perpaduan bagi rakyat kita yang berbilang kaum. Dasar-dasar ekonomi, sosial dan pelajaran adalah bukti kenyataan yang jelas.

Pembangunan negara adalah satu proses yang rumit dan tidak ada satu cara penyelesaian yang dapat kita contohi daripada pengalaman-pengalaman di negara-negara lain. Penyelesaian kepada masalah-masalah kita haruslah dikaji dalam konteks kehendak-kehendak dan keadaan-keadaan kita sendiri. Untuk memenuhi objektif ini, kita mestilah keluar daripada pemikiran politik “partisan” dengan mengelak daripada mempermainkan soal-soal seperti bahasa, agama dan kebudayaan untuk kepentingan politik.

Saya sedikit pun tidak merasa ragu bahawa dasar-dasar kita mengenai bahasa kebangsaan, agama dan kebudayaan dalam konteks Rukunegara adalah bertujuan positif iaitu bersikap liberal terhadap bahasa-bahasa, agama-agama dan kebudayaan di negeri ini, dan jika diberi sedikit persefahaman, saya yakin ianya boleh memberi sumbangan ke arah pengukuhan ikatan perpaduan di negeri ini.

(*Dengan izin*) We are committed to the creation of a united, democratic, just, liberal and a progressive Malaysian society. I am sure the Honourable Member shares these aspirations.

The values and principles enshrined in the Rukunegara reflect the basis of our national unity and identity, and while they underline the complexities inherent in our multi-racial society, they indicate at the same time our determination to create therefrom a viable Malaysian society, in which every Malaysian irrespective of race or creed, can enjoy a sense of belonging and a stake in this country.

It is in this context that we must view the questions of the national language, religion and culture. The Honourable the Prime Minister has often said, and I would like to repeat it here, that there is no reason or justification for any individual or group in this country to feel or experience a sense of loss or deprivation. The position of Malay as the national and official language does not prevent Malaysians from studying or using other languages. Likewise Malaysians are free to practise and profess their own religions, customs and culture, even though Islam is the official religion of the country.

We are evolving our national culture and identity. The basis of the national culture has been explained by the Honourable the Prime Minister, and by me at the last session of Dewan Rakyat, and so I will not repeat it today. Suffice for me to say that there has been a great degree of assimilation over the years of the culture of the Chinese, the Indians and others in this country with the indigenous culture of the Malays and the other natives. The Rukunegara says categorically—to ensuring a liberal approach to her rich and diverse cultural traditions:

“We are dedicated to ensuring the existence and growth of a liberal society in which its members are free to practise and profess their own religions, customs, and cultures consistent with the requirements of national unity. The Malaysian Nation is indeed unique in having rich and diverse cultural traditions and practices. We aspire to a society in which this diversity can be an asset and a source of strength.”

The Honourable member can rest assured that the Alliance Government, with which I am proud to associate myself, is a responsible Government, fully aware of its responsibilities to nurture and strengthen the unity of our multi-racial society. Our economic, social and education policies are testimony to this fact.

Nation-building is an involved process, and there is no standard model that we can learn from experiences elsewhere, solutions to our problems must be examined in the context of our own needs and circumstances. To fulfil this objective, we must stand above partisan politics, and avoid over-playing such issues as language, religion and culture for political gains.

I do not have the slightest doubt that our policies on the national language, religion and culture in the context of Rukunegara are positive in their intentions, i.e.—it is a liberal attitude towards other languages, religions and cultures in this country, and given a measure of understanding, I am convinced they can contribute towards strengthening the bonds of national unity in this country.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Ketua Menteri Sabah ada mengumumkan bermula pada 1hb Januari Radio Sabah akan mengharamkan bahasa Kadazan dan bahasa Cina dan memberhentikan semua program-program saluran bahasa Cina dan bahasa Kadazan. Adakah langkah itu selaras dengan tujuan Kerajaan untuk mewujudkan suatu masyarakat liberal dan adakah langkah itu selaras mengikut Rukunegara di mana semua bahasa boleh digunakan.

**Tun V. T. Sambanthan:** (*Dengan izin*) Is not this a matter between the Sabah Government and the Ministry of Information? It does not concern me.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini satu perkara berkaitan dengan semua bahasa dan berkaitan dengan konsep Rukunegara dan saya rasa Rukunegara bukan satu konsep bernegeri tetapi meliputi Malaysia. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbangkan perkara ini dan jikalau langkah itu melanggar konsep Rukunegara dan konsep satu masyarakat liberal, bolehkah Yang Berhormat Menteri

berhubung dengan pihak berkuasa di Sabah dan meminta mereka membiarkan program bahasa Cina dan bahasa Kadazan itu diteruskan?

**Tun V. T. Sambanthan:** This may be a matter related to the State Government. However, as the Honourable Member has raised it, I shall certainly pass it on to the Prime Minister.

**Tuan V. David:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini apakah asas kebudayaan Malaysia, kita dengar bermacam-macam, bolehkah Kerajaan beritahu apakah asas kebudayaan Malaysia kita?

**Tun V. T. Sambanthan:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, kita nampak sekarang dalam Radio dan TV Malaysia rancangan-rancangan yang biasanya dalam bahasa-bahasa lain sekarang sudah hilang, dihapuskan. Sekarang siaran bahasa Tamil dan bahasa Cina tidak ada kedengaran kadang-kadang, dalam seminggu sekali, barangkali 15 minit atau setengah jam. Oleh itu macam manakah boleh membawa perpaduan dalam negara kita sekiranya dihapuskan kebudayaan lain-lain bangsa?

**Tun V. T. Sambanthan:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan Kementerian saya.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Negeri kita sangat liberal diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan sesiapa hendak bercakap bahasa Tamil, bahasa Cina tidak dilarang. Jadi, tiap-tiap warganegara yang taat setia kepada negeri ini, selain daripada ugama, tidakkah bahasa dan kebudayaan adalah satu teras untuk menyatu-padukan rakyat negeri ini, selain daripada orang yang tebal semangat perkauman?

**Tun V. T. Sambanthan:** Saya bukan pegang soal teras itu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara ada mengatakan assimilation of cultures boleh mencegah perpaduan negara kita. Betulkah begitu?

**Tun V. T. Sambanthan:** Saya tidak faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun tidak faham. (*Ketawa*).

**Tuan Ng Hoe Hun:** Bolehkah saya bertanya dalam bahasa Inggeris?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh!

**Tuan Ng Hoe Hun:** (*Dengan izin*) Just now in his reply the Honourable Minister stated that the assimilation of cultures in this country is one of the problems that is preventing national unity in this country. Is that so?

**Tun V. T. Sambanthan:** I said here clearly, quoting the *Rukunegara*, that we aspire to a society in which this diversity can be an asset and a source of strength—unity in diversity.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Is it because the assimilation of the cultures is so diverse that we have this problem existing in this country? Is this one of the problems that the Minister has encountered.

**Tun V. T. Sambanthan:** It is not a question of my encountering any problem, Mr Speaker, Sir. May be, I don't understand him properly. He speaks of assimilation, and I speak about the *Rukunegara*. It stresses on the fact that there is diversity of cultures and that the strength of our unity is the existence of the diversity of cultures and that the formulation of a single culture takes time. It may well be that generations later our people may be a Malaysian people as such with one culture, but I personally feel that it will take a very long time. Culture is a very large subject and one cannot possibly define it. We can call it a "way of life." Malaysians do have a certain way of life which is distinct from the way of life of the people belonging to the countries from which the forebears of all of us came: the Malays from Indonesia, for instance, the Indians from India and the Chinese from China. We are different from the people who live in those countries. We already have changed our habits and when we look at our children, they are different from what we were. If we take music as a form of culture, who can stop pop music coming here? This is a free, liberal and open

society. And when the winds of change come and as they breeze through the country, they make their changes.

**Tuan Ng Hoe Hun:** It is not I who brought up the question.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak usah bercakap panjang lagi. Bercakap bahasa Inggeris saya pun tidak mengerti; kalau bercakap Bahasa Kebangsaan barangkali saya boleh ikut sama.

### BANDUAN-BANDUAN BUANG NEGERI

**5. Tuan V. David** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) di dalam persidangan Parlimen yang lalu ada dinyatakan iaitu tindakan sedang diambil untuk membuang negeri seramai 90 orang buangan dan samada mereka telahpun dibuang negeri;
- (b) mengapa Kerajaan telah menyimpan orang-orang buangan ini selama beberapa tahun dan ini membuktikan bahawa Undang-undang yang berkaitan dengan Pembuangan adalah salah, malah sudah tidak boleh dipakai lagi. Oleh yang demikian samada Kerajaan akan menimbang membebaskan orang-orang buangan ini;
- (c) Seksyen 6 (3) Akta Pembuangan menyatakan iaitu seseorang itu akan dibuang ke negeri yang mana ianya menjadi warganegara, oleh yang demikian samada beliau dapat menyatakan ke negeri manakah 90 orang buangan ini akan dibuang.
- (d) samada orang-orang buangan ini diberi layanan yang berbeza daripada layanan yang diberi kepada penjenayah dan samada mereka ditahan dalam kurungan; dan
- (e) sebahagian daripada mereka adalah bekas tahanan di bawah Undang-undang keselamatan dalam negeri dan adakah mereka akan ditahan di dalam khemah tahanan menunggu hukuman pembuangan negeri.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab (a), (b) dan (c). Daripada jumlah 90 orang banduan-banduan buang negeri yang di-

sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, 9 orang telah dihantar balik ke negeri asal masing-masing, dan 6 orang telah dibebaskan dengan bersyarat sejak bulan April tahun ini. Saya telahpun mengkaji dengan teliti dari beberapa segi kes-kes bakinya yang seramai 75 orang lagi dan telah mengarahkan supaya Perintah-perintah Buang Negeri terhadap 63 daripada 75 orang itu digantung di bawah Seksyen 7 (1) Akta Buang Negeri, 1959 dengan syarat-syarat yang tertentu. Insya Allah sekiranya mereka yang terlibat dapat mengisi syarat yang dikehendaki mereka akan dikeluarkan dari tahanan di dalam beberapa hari sahaja. Adalah diingatkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa apa yang dilakukan ini bukanlah membatalkan Perintah Buang Negeri itu tetapi hanya menggantungkan. Oleh yang demikian, sesudahnya mereka ini dikeluarkan dari tahanan, jika saya dapati mereka melanggar syarat-syarat yang dikenakan atau melakukan satu-satu perbuatan yang dianggap mengancam ketenteraman awam atau keselamatan negara maka saya tidak teragak-agak lagi akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

(d) Layanan yang diberi kepada orang-orang yang sedang menunggu untuk dibuang negeri adalah mengikut Bahagian 17 Kaedah Penjara (Prisons Rules), 1953. Di bawah Bahagian itu layanan yang diberi kepada banduan-banduan buang negeri bukan sahaja berbeza tetapi adalah dianggap lebih baik daripada layanan yang diberi kepada banduan-banduan yang menjalani hukuman penjara.

(e) Tidak.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam jawapan Menteri yang berkenaan beliau mengatakan di antara 75 orang yang sedang ditahan, kalau mereka mengisi borang dan mengakui apa-apa syarat yang tertentu, mereka boleh dibebaskan. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan apakah tindakan Kerajaan hendak ambil terhadap baki yang seramai 12 orang itu.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tindakan yang sudah ditentukan oleh Kerajaan mereka ini hendak dibuang negeri, tetapi saya mengarahkan perkara ini

disiasat lagi, dikaji lagi dan sekiranya didapati bahawa tidak payah dibuang negeri, maka satu tindakan yang sewajarnya akan dilakukan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Adakah Menteri yang berkenaan sedar ada di antara—pada pendapat saya—di antara 75 orang ini orang yang ditahan di masa pemerintahan British, iaitu mereka ditahan sebelum negeri ini mencapai kemerdekaan, sebelum tahun 1957. Jika mereka ada melanggar undang-undang di bawah perintah British mengapakah mereka sekarang ditahan lagi oleh Kerajaan yang dipilih oleh rakyat ditanah air kita ini?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Dalam perhitungan saya tidak ada yang ditahan masa pemerintahan Inggeris.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ada berkata iaitu lebih kurang 9 orang sudah dibebaskan dan sudah dibuang negeri, betul atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Ahli Yang Berhormat tidak menatap baik-baik jawapan itu jangan buat soalan tambahan. Jangan bertanya berbalik-balik dalam Dewan ini kerana itu membuang masa saya.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Orang-orang tahanan ini ditahan lama-lama kerana buat salah, mereka ini orang asing. Kerajaan sudah tahu mereka ini buat salah dan diberi makan lama-lama dalam penjara. Adakah Kerajaan akan menghantar terus mereka ini ke negeri asalnya daripada banyak sangat berdiplomasi?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, menghantar orang salah keluar negeri sudah dijalankan, tetapi apabila sahaja pada masa ini dibuat kajian semula, saya telah memerintahkan supaya perkara ini disiasat sekali lagi dan dikaji dan dilepaskan 63 orang ini sekiranya mereka dapat mengisi syarat-syarat.

**Tuan V. David:** Adakah Kerajaan sedar negeri-negeri asing barangkali Cina mengatakan dia tidak boleh menerima orang-orang ini. Oleh itu Kerajaan tidak tahu apakah hendak buat di masa akan datang. Betul atau tidak perkara ini?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, tidak.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya ingin bertanya berkenaan dengan banishee. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan bercerita. Cuba terus kepada soalnya?

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, The Revised Banishment Act, 1959, Revised 1972, page 7, section 3 states, "Banishee shall thereupon be conveyed in the custody of Police and placed on such means of transport as may be expedient for the conveyance to the country of which he is a citizen." Ini adalah undang-undang negeri kita sekarang. Saya hendak tahu sebab perkara orang tidak boleh dihantar keluar negeri kerana undang-undang ini is not valid any more. Soal saya ialah why do we keep such law? Apa gunanya kita ada undang-undang ini yang tidak boleh dipakai. Dan apakah tindakan yang Peguam Negara hendak ambil untuk menyelesaikan masalah ini?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada alasan yang boleh dikatakan bahawa undang-undang ini tidak valid any more, kerana jika sekiranya seseorang itu mempunyai kerakyatan British, kita boleh hantar dia ke England atau ke mana sahaja. Soalnya sekarang cara dan ikhtiar hendak menghantarnya balik. Tetapi itu bukan soalnya sekarang. Adakah sebabnya yang Kerajaan sekarang bersetuju hendak melepaskan 63 orang ini menjadi satu soal.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tadi Menteri ada mengatakan bahawa Undang-undang ini mempunyai oleh British. I quote British law. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak payah quote law, saya pun tidak berapa faham cakap Inggeris.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Ini masalah orang, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau quote dalam Bahasa Kebangsaan, boleh.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tetapi buku ini ditulis dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti kita berjumpa di belakang. Kita boleh kaji buku itu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** The Law of the Federated Malay States, Chapter 38, page 826, line 4 states "A banishee will be banished to the country of which he is a natural born subject. . ." Itu adalah British Law, tetapi Undang-undang kita mengatakan, "country of which he is a citizen." Banyak banishees yang menjadi warganegara Malaysia. Di manakah kita mahu menghantar mereka?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Susah hendak menjawabnya kepada orang yang tidak faham bahawa Banishee Law ini hanya dikenakan kepada orang yang bukan citizen.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Tadi Menteri yang berkenaan mengatakan di antara 75 orang, Kementeriannya akan mengkaji dan siasat keadaan tentang 63 orang yang ditahan. Saya hendak bertanya sekali lagi, kalau begitu ada baki 12 orang, kalau sekiranya Kerajaan ingin hantar membuang mereka ke mana-mana negeri dan negeri asal mereka tidak mahu menerima mereka, adakah tujuan Kerajaan bahawa mereka yang 12 orang ini mesti meninggal dunia di dalam penjara.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kembali kepada 63 orang tadi bukan soalan ini sedang dikaji bahkan perkara ini sudah dikaji dan sudah ditentukan bahawa perintah buang negeri itu akan digantung. Bakinya iaitu seramai 12 orang sedang dalam kajian lagi. Dan tidaklah termostinya mereka itu dihantar ke negeri asalnya sendiri. Kalau sekiranya ada negeri lain yang sanggup menerimanya iaitu negeri yang dipilih oleh subject itu sendiri, maka Kerajaan tidaklah ada halangan untuk menghantar mereka itu ke sana.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri mengatakan sesiapa yang ditahan sampai sekarang bakinya bukan warganegara, tetapi adakah tidak satu orang yang bernama C.C. Wong yang mempunyai warganegara Kerajaan telah merampas warganegaranya?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kerajaan tidak akan melakukan perkara di bawah undang-undang ini dengan tidak mengikut syarat-syarat undang-undang juga. Seseorang itu boleh buang negeri hanya dia itu bukan warganegara. Soal mengambil kembali kewarganegaraan seseorang itu adalah soal lain iaitu seseorang yang sudah hilang haknya mempunyai kewarganegaraan sesudah perkara itu dilaksanakan, maka baharulah dilakukan apa yang dikehendakki di bawah undang-undang ini.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Saya ingin membuat satu soalan tambahan berhubung dengan masaalah orang buangan ini di dalam kajian dan kalau mereka ini terlepas akan mengancam keselamatan negeri kita. Adakah dalam kajian Kerajaan bahawa mereka ini patut dicari sebuah pulau untuk orang buangan?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Adalah satu daripada perkara yang menjadi pertimbangan iaitu adakah orang yang dikeluarkan daripada tahanan ini akan mengancam Kerajaan. Apabila Kerajaan sudah berpuashati bahawa mereka ini tidak lagi mengancam Kerajaan, maka perintah ini digantungkan, tetapi sekiranya bila masa dia lepas didapati bahawa dia akan mengancam ketenteraman seperti yang saya katakan tadi atau mengganggu, maka dengan tidak teragak-agak lagi tindakan yang sewajarnya akan diambil.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Saya hendak tahu tindakan sewajar yang hendak diambil itu apakah tindakannya? Adakah hendak dihantar ke lain negeri, tetapi negeri asalnya tidak mahu menerima. Bagaimanakah kedudukannya masa itu?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kita hanya ada berkuasa untuk menghantar orang keluar negeri. Kita pun ada berbagai-bagai kuasa yang lain.

## PERTUBUHAN PELADANG

6. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan samada beliau sedar bahawa Pertubuhan-pertubuhan Peladang di Daerah-daerah tidak mempunyai kakitangan untuk mengendalikan urusan-urusan bagi faedah kaum peladang dan juga untuk mengendalikan pejabat-pejabat yang ditubuhkan itu.

**Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini bercadang hendak menempatkan pegawai-pegawai yang cukup bagi mengendalikan pengurusan Pertubuhan-pertubuhan Peladang di samping kakitangan-kakitangan yang digaji oleh Pertubuhan-pertubuhan Peladang itu sendiri. Lembaga Pertubuhan Peladang akan menempatkan seorang Pengurus Besar dan 5 orang pegawai-pegawai lain dalam bahagian-bahagian Pengeluaran dan Organisasi, Keredit, Perniagaan Tani, Perkembang dan Akaun. Di samping itu, Kerajaan-kerajaan Negeri juga dapat menambahkan kakitangan-kakitangan yang bertugas separoh masa di Pertubuhan-pertubuhan Peladang untuk mengendalikan urusan berkaitan dengan Kemajuan Pertanian bagi faedah kaum peladang. Sungguh pun di satu dua tempat Pertubuhan Peladang yang maju, bilangan pegawai-pegawai yang ditempatkan di tiap-tiap Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan didapati mencukupi bagi mengendalikan urusan-urusan ini. Di kawasan-kawasan dimana kerja-kerja telah bertambah, Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan sendiri adalah digalakkan dan setengahnya didapati mempunyai keupayaan mengadakan pegawai-pegawai mereka sendiri.

### NYAMUK DI HOSPITAL BESAR ALOR SETAR

**7. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa Hospital Besar Alor Setar sering kali diserang oleh nyamuk jika ya, apakah langkah-langkah Kerajaan telah, sedang atau akan ambil untuk membasmi nyamuk di sekeliling hospital, itu.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar akan masalah nyamuk di Alor Setar, dan pada masa-masa tertentu nyata juga bertambahnya bilangan-bilangan nyamuk di Hospital Besar. Kementerian saya sedang menyelesaikan masalah ini dan telah pun mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan semua kawasan-kawasan pembiakan nyamuk di dalam dan di sekeliling kawasan Hospital. Langkah-langkah juga sedang diambil bagi mengurangkan pembiakan di seluruh bandar Alor Setar. Tetapi hendaklah difahami, bahawa Alor Setar ialah satu kawasan rendah dan mempunyai

muka air yang tinggi, juga bendang-bendang padi, yang menjadikan keadaan-keadaan sangat sesuai bagi pembiak nyamuk. Oleh itu masalah ini sangatlah besar dan tidak dapat di atasi dalam masa sehari.

Semua pesakit-pesakit di Hospital Besar diuntukkan dengan kelambu, dan Kementerian saya akan menubuhkan "Vector Control Unit" tahun hadapan bagi membentuk rancangan-rancangan jangka panjang untuk mengawal nyamuk-nyamuk di seluruh negara.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa walaupun di negeri Kedah ini banyak nyamuk mengikut kata Yang Berhormat oleh kerana sawah padi tetapi adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar bahawa kadang-kala dalam sawah padi ini nyamuk tidak ada, tetapi di Alor Setar ini sentiasa memang ada.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya kawasan-kawasan sawah ialah satu tempat yang terdapat nyamuk yang banyak, kawasan itu seperti di Tanjong Karang dan juga di Sekinchan, Kedah dan sebagainya oleh kerana kawasan itu selalu ditanam padi. Ini tidak benar bahawa kawasan padi itu tidak ada nyamuk.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar masalah nyamuk bukan berlaku cuma di Alor Setar atau seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di Tanjong Karang, maka boleh dikatakan masalah ini berlaku di seluruh Hospital-hospital Besar atau kecil di tanahair kita, apakah langkah Menteri ingin mengambil supaya kita boleh mempercepatkan kekurangan nyamuk di hospital-hospital di tanahair kita?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, bukan semua hospital-hospital besar di negeri ini ada nyamuk. Ini adalah kawasan masing-masing sahaja seperti di kawasan Alor Setar, Sungai Petani, kawasan ini selalu ada nyamuk yang banyak. Kawasan seperti Hospital di Kuala Lumpur, Seremban dan Melaka jarang didapati nyamuk, akan tetapi pegawai-pegawai yang berkuasa itu telah memberikan arahan kepada pekerja-pekerja hospital-hospital itu untuk membersihkan kawasan itu dengan menghapuskan nyamuk tersebut.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa di Hospital Seremban tidak ada nyamuk. Ini tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Sebab banyak didapati komplek daripada pesakit-pesakit mengatakan sebelum dia masuk hospital dia tidak ada mengidap penyakit malaria atau dengue tetapi sudah masuk hospital 10 hari atau 2 minggu, dia didapati malaria, apakah sebabnya?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Itu barangkali pada pendapat atau fikiran daripada Yang Berhormat sendiri sebagai ahli politik, tetapi bukan sebagai seorang doktor.

**Tuan Loh Jee Mee:** Adakah benar bahawa selain daripada Hospital Alor Setar kebanyakan hospital-hospital tidak mempunyai kelambu-kelambu yang cukup?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, bukan semuanya. Semua hospital besar akan memberi kelambu, cuma jikalau kawasan itu ada nyamuk, baharulah Kementerian ini menyediakan kelambu kepada pesakit-pesakit sahaja.

**Tuan Loh Jee Mee:** Tuan Yang di-Pertua, adakah penyakit malaria didapati bertambah di Alor Setar, jika ya, adakah pesakit-pesakit pun mengidap penyakit malaria?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang menjalankan rancangan untuk membasmi penyakit malaria khususnya di kawasan Negeri Kedah dan semua Negeri di seluruh Malaysia adalah mengikut rancangan yang ditentukan oleh Kementerian saya dan dengan itu pekerja-pekerja di Kementerian saya pada masa sekarang ini berjumlah 4,000 orang untuk menghapuskan penyakit malaria di kawasan masing-masing.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan bersetuju dengan saya bahawa nyamuk-nyamuk di Alor Setar khususnya tidak ada membawa atau menyebabkan penyakit malaria khususnya di Alor Setar?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Soalan itu soalan lain.

## GAJI ANGGOTA-ANGGOTA PASUKAN TENTERA—POTONGAN

**8. Tuan Hashim bin Gera** minta Menteri Pertahanan menyatakan tujuan Kerajaan memotong 10% daripada gaji anggota-anggota Pasukan Tentera.

**Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, potongan 10% daripada gaji anggota lain-lain pangkat adalah sebagai caruman kepada Sekim Tabung Angkatan Tentera yang telah ditubuhkan di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973. Tabung ini bertujuan mengadakan faedah-faedah pesaraan bagi askar-askar yang telah mula berkhidmat selepas 1hb Ogos, 1972 dan yang tidak layak mendapat faedah pencen. Perjalanan skim ini adalah hampir-hampir sama seperti Sekim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun terkenal dengan nama E.P.F. Akta itu juga membolehkan lain-lain anggota Angkatan Tentera Tetap Malaysia menyertai dalam satu Sekim Simpanan yang disediakan oleh Lembaga Tabung itu. Pencarum-pencarum kepada sekim ini adalah diberi jaminan bahawa bukan sahaja mereka akan mendapat faedah yang tidak kurang daripada 5% bagi simpanan mereka bahkan juga selepas mereka tamat berkhidmat mereka akan dapat balik wang simpanan ini bersama-sama dengan faedahnya yang saya telah sebutkan tadi. Selain daripada faedah ini pihak Lembaga Tabung Angkatan Tentera juga akan cuba mengadakan peluang pekerjaan untuk bekas-bekas perajurit di industri-industri dan perniagaan-perniagaan dalam mana wang tabung itu akan dilaburkan. Dengan ini adalah diharap sebilangan bekas-bekas perajurit-perajurit akan menikmati faedah-faedah secara langsung dari projek-projek tabung ini juga.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. Adakah apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan di dalam Dewan ini telah diberi penerangan kepada semua Pasukan Tentera di seluruh Malaysia ini?

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Sudah, Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja sudah diberi keterangan bahkan disediakan satu risalah di dalam mana ada terkandung dengan panjang lebar tujuan-tujuan dan cara-cara menjalankannya.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri Pertahanan memberi semua tentera-tentera yang dipotong gajinya 10% itu satu buku semacam buku Post Office Savings Bank ataupun buku E.P.F. supaya apakala dia meninggal kelak akan dapat dituntut oleh waris-warisnya atau orang yang dinamakan di dalam tuntutan itu?

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Perkara ini di dalam kajian Lembaga yang telah ditubuhkan dan perkara pemindahan hakmilik seseorang itu cara-cara dalam mana hakmilik itu akan dipindahkan akan dikaji dengan mendalam oleh Lembaga itu.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, setelah duit itu dipotong, maka baharu hendak dikaji dengan secara mendalam wang buku simpanannya, sepatutnya dikaji dahulu dalam buku simpanannya itu baharu wang itu dipotong supaya tidak meresahkan perasaan anggota Pasukan Tentera itu, bilakah buku itu akan dapat dikeluarkan?

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Rancangan ini, Tuan Yang di-Pertua, ada peraturan dalam mana tiap-tiap tahun iaitu akan dibentangkan kira-kira akaun bukan sahaja bilangan wang yang disimpan daripada pihak yang menyimpan bahkan juga bahagian Kerajaan dan juga selain daripada itu akan dimaklumkan kepada pihak-pihak yang menyimpan wang ke dalam tabung ini akan banyaknya faedah yang diberi kepada dia pada tahun yang berkenaan.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah satu badan mengelola wang simpanan potongan daripada tentera itu supaya wang itu tidak hilang? Sebagai contoh apa yang saya telah dengar iaitu dipotong wang daripada gaji tentera untuk membuat rumah-rumah mereka di dalam negeri Perak, tetapi sehingga hari ini tanah yang telah diterangkan setahun lamanya itu seluas 47 ekar telah menjadi hutan banat balik kononnya wang itu telah dilarikan oleh seorang pegawainya ke Australia; samada benar atau tidak saya tidak tahu, tetapi bagi pihak tentera takut berlaku pisang berbuah dua kali.

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Saya tidak tahu wang yang mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kalau wang ini yang dikatakan itu saya tidak percaya perkara ini berlaku kerana kita bukan sahaja ada satu badan malahan dua badan untuk menguruskan wang tabung ini. Satu, sebagaimana yang saya sebutkan tadi Badan Lembaga yang mengandungi ahli-ahlinya bukan sahaja daripada Kementerian Pertahanan, bahkan juga ahli-ahlinya terdiri daripada lain-lain Kementerian termasuk Pembendaharaan dan sebagainya di mana pengurusan, pengendalian wang ini adalah dikawali dengan cukup rapi. Selain daripada itu ada juga satu badan yang dinamakan Badan Penal Pelaburan yang akan mengkaji dengan mendalamnya, mengawasi pelaburan wang-wang daripada simpanan ini kepada badan-badan perniagaan, industri dan sebagainya dan mengawasi pelaburan ini supaya jangan wang itu hilang dan tidak dijaga dengan sebaik-baiknya.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam jawapan Menteri Pertahanan beliau mengatakan potongan ini ialah untuk suatu tabung serupa dengan E.P.F. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, adakah Menteri itu sedar di dalam E.P.F. pihak pekerja mencarum 5% dan majikan pun mencarum 5%, adakah di dalam sekim ini gaji askar-askar dipotong 10% dan pihak Kementerian Pertahanan mencarumkan 10%?

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan tadi bahawa apabila seseorang itu terpaksa membayar kepada tabung ini 10% daripada gajinya, maka pihak Kerajaan sebagaimana yang dilakukan juga di dalam Tabung E.P.F. membayar 10%.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Adakah apa-apa rancangan di Kementerian beliau untuk mengadakan satu kajian atas segala keadaan-keadaan di dalam Tentera Laut, Tentera Udara dan Tentera Darat kita? Dengan kajian ini kita boleh tahu dan boleh membaiki keadaan-keadaan yang kita dapati pada masa sekarang.

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Saya kurang faham. Kadar-kadar apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila ulang lagi.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, adakah apa-apa rancangan Kementerian Pertahanan untuk mengadakan satu kajian atau laporan atas keadaan-keadaan Tentera Laut, Tentera Udara dan Tentera Darat kita?

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 24 adalah diberi di bawah ini).*

### BAJA YANG DIJUAL

**9. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) samada baja-baja yang dijual di Malaysia menjalani analisa untuk menentukan kandungan nitrogen, posforan dan kalsium karbanatnya sebagaimana yang diakui oleh pembuat-pembuat sebelum baja-baja dikeluarkan untuk dijual;
- (b) jabatan yang lazimnya menjalankan analisa baja-baja sebelum dikeluarkan lesen untuk jualan baja-baja itu; dan
- (c) samada beliau sedar bahawa setengah baja-baja tidak mengandungi bahan-bahan yang seimbang sebagaimana yang diakui oleh pembuat-pembuat.

**Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):**

- (a) Pada masa ini tiada langkah-langkah yang memerlukan berbagai-bagai jenis baja yang dikeluarkan bagi jualan di Malaysia dianalisa terlebih dahulu sebelum dijual. Walau begitu jualan baja di Malaysia sebagai lain-lain barang dagangan adalah tertakluk di bawah Akta Perihal Dagangan tahun 1972. Terpujanglah kepada pengeluar-pengeluar mengadakan sistem kawalan mutu pengeluarannya masing-masing untuk membuat analisa menentukan kandungan nitrogen, posforan dan kalsium karbanatnya seperti yang dituntutnya itu benar dan tidak bersalahan dengan maksud Akta Perihal Dagangan yang tersebut.

(b) Tidak ada.

(c) Kementerian Pertanian dan Perikanan belum ada lagi menerima laporan rasmi tentang baja "tipu" atau "adulterated" sebagai yang dimaksudkan itu supaya tindakan yang wajar boleh diambil oleh pihak yang berkenaan di bawah Akta Perihal Dagangan. Walaupun begitu Bahagian Pertanian ada menjalankan analisa untuk menentukan baja-baja yang dipesan dan yang dibeli memenuhi specification pejabat itu.

### GURU-GURU MELANGKAH SEKATAN KECEKAPAN

**10. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar atas kebimbangan dan keraguan sebilangan besar guru-guru yang menunggu untuk melangkah sekatan kecekapan di bawah Sekim Aziz, oleh kerana inspektor-inspektor sekolah tidak datang memeriksa sehingga selepas tahun sekatan dan juga tingkah-laku inspektor-inspektor dalam usaha menjalankan pemeriksaan mereka; dan samada beliau akan mengadakan satu siasatan mengenai segala sistem menjalankan pemeriksaan pangkat sekatan kecekapan untuk menghapuskan kesusahan hati guru-guru supaya mereka puas hati.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Saya sedar tentang kelambatan ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan bahawa pemeriksaan untuk tujuan melangkah sekatan kecekapan tidak dikelolakan oleh nadzir-nadzir sekolah. Tugas ini sebenarnya diuruskan oleh pegawai-pegawai dari Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri. Langkah-langkah adalah sedang diambil untuk mengatasi masalah kelambatan ini. Oleh yang demikian, siasatan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu adalah tidak perlu.

### PELADANG MELAYU MEMILIKI TANAH

**11. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan berapa peratus orang-orang Melayu daripada golongan peladang dan

berapa peratus yang memiliki tanah serta apakah usaha-usaha besar yang telah dilancarkan bagi memperbaiki taraf hidup mereka.

**Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Bilangan peladang dan pekebun-pekebun kecil mengikut Agriculture Census 1960 berjumlah hampir-hampir 533,854 orang. Bilangan Peladang dari kalangan orang Melayu ialah seramai 412,243 iaitu sebanyak 77.2% dari semua peladang-peladang kecil. Angka-angka mengenai bilangan peladang-peladang mengikut bangsa adalah seperti berikut :

Bangsa	Keluarga	Peratus
Melayu ...	412,243	... 72.2%
Cina ...	107,669	... 20.2%
Indian ...	8,174	... 1.5%
Lain-lain	5,748	... 1.1%
	<hr/> 533,854	<hr/> 100%

(ii) Bilangan peladang mengikut milik harga adalah seperti berikut:

Pemilik (owner operator) .....	254,358	47%
Pengusaha (operator)	107,277	20%
Makan gaji (wage earner) ...	172,219	33%
	<hr/> 533,854	<hr/> 100%

Dari 254,358 peladang-peladang yang memiliki tanah 82.3% ataupun 209,366 orang adalah dari kalangan orang-orang Melayu, 15.9% dari kalangan Cina, 0.5% dari kalangan India dan 1.3% dari kalangan lain-lain.

Satu langkah yang diambil untuk memperbaiki taraf hidup mereka adalah menerusi rancangan kemajuan tanah dan dijalankan oleh FELDA, FELCRA dan RISDA. Rancangan-rancangan ini memberi peluang kepada peladang-peladang yang tidak memiliki tanah untuk mendapatkan tanah dirancangan-rancangan Kemajuan Tanah ini. Di lain-lain kawasan pekebun-pekebun kecil dan peladang-peladang juga mendapat bantuan dari kerajaan merupakan subsidi bagi baja dan benih dan pajak jentera untuk menggalakkan mereka menanam lain-lain tanaman selain daripada padi, kelapa dan

buah-buahan untuk meninggikan lagi pendapatan mereka. Rancangan-rancangan ini dijalankan menerusi Lembaga Pertubuhan Peladang dengan kerjasama Jabatan-jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Jabatan Parit dan Taliair, MARDI dan lain-lain agensi Kerajaan yang berkait dengan kemajuan Peladang-Peladang.

## RADIO MALAYSIA KOTA KINABALU

**12. Tuan Mohd Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau bercadang menambah gelombang Radio Malaysia Sabah memandangkan bahawa penyiaran yang ada sekarang ini tidak mencukupi disebabkan bertambahnya rancangan-rancangan baru termasuk siaran wartaberita yang disalurkan dari Ibu Negara Kuala Lumpur dalam enam bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, Kadazan, Bajau, Mandarin dan Kantonis melalui satu saluran.

**Menteri Penerangan (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Radio Malaysia di Kota Kinabalu, mempunyai rancangan untuk menambahkan lagi satu saluran untuk siaran rancangan-rancangan radio. Tambahan saluran ini akan dibuat sebaik sahaja studio tambahan yang sedang di dalam pembinaan disiapkan pada penghujung tahun 1974.

## LAWATAN KE SEKOLAH DI ULU KELANTAN

**13. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil daripada lawatan mengejut beliau ke sekolah-sekolah di Ulu Kelantan baru-baru ini.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Saya tidak ada membuat lawatan mengejut ke sekolah-sekolah di Ulu Kelantan baru-baru ini.

## MILIK TANAH—BANCI PERTANIAN

**14. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan bilakah beliau bercadang mengadakan satu banci pertanian di seluruh negara sebagai pendahuluan (prelude) kepada roformasi-reformasi radikal tanah yang besar-besaran, jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Oleh kerana banci penduduk telah dijalankan belum berapa lama sahaja lagi di mana maklumat pekerjaan dan milikan tanah telahpun ditanya masanya belum sampai untuk menjalankan banci pertanian di seluruh negara lagi.

Walau bagaimanapun banci dan kajian-kajian tertentu telah dijalankan dari semasa ke semasa untuk sesuatu maksud perancangan. Hasil dari keadaannya adalah memuaskan.

### PAKAR BEDAH AM

**15. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kesihatan samada beliau sedar bahawa hanya seorang sahaja pakar bedah yang ada untuk berkhidmat kepada rakyat Negeri Sembilan pada hal mengikut taraf moden sepatutnya ada lima orang pakar bedah dalam sebuah hospital; bahawa pakar bedah yang tunggal di Hospital Seremban ini dibebankan dengan tugas-tugas yang berlebihan dan oleh yang demikian tidak adil kepada rakyat Negeri Sembilan, dan bahawa keadaan ini samalah seperti 20 tahun yang lalu. Jika sedar, adakah beliau akan melantik pakar-pakar bedah tambahan atau sekurang-kurangnya seorang lagi untuk memenuhi kehendak rakyat.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Ya, saya sedar hanya seorang sahaja Pakar Bedah Am yang ada di Hospital Besar, Seremban, tetapi saya sama sekali tidak bersetuju dengan kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur. Tiap-tiap orang di Negeri Sembilan dapat melihat dengan sendirinya bahawa keadaan-keadaan di Hospital Seremban tidak sama seperti yang didapati 20 tahun yang lalu. Saya akan menimbang untuk menempatkan seorang lagi Pakar Bedah apabila lebih ramai lagi Pakar Bedah Am boleh didapati.

### BANTUAN TANAM SEMULA

**16. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan, memandangkan kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha Parlimen beliau semasa Mesyuarat Parlimen pada 26-1-1973

bahawa Jabatan Pertanian ada memberi bantuan menanam semula sebanyak \$200 bagi seekar dusun buah-buahan dan \$100 bagi pemulihan seekar dusun buah-buahan:

- (a) Cara-cara yang dibuat oleh Kementerian tersebut untuk menyampaikan maklumat mengenai pemberian di atas; dan
- (b) Berapa ekar dusun buah-buahan yang telah menerima pemberian menanam semula hingga sekarang.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:**

- (a) Maklumat mengenai bantuan menanam semula dan pemulihan dusun buah-buahan adalah disebarkan oleh pegawai-pegawai Jabatan Pertanian kepada petani-petani melalui:
  - (i) Majlis dalilog;
  - (ii) Mesyuarat-mesyuarat Persatuan Peladang yang diadakan di peringkat kawasan;
  - (iii) Berita-berita pertanian;
  - (iv) Risalah-risalah yang disebarkan kepada ahli-ahli Persatuan Peladang; dan juga
  - (v) Melalui yunit bergerak.

- (b) Luas dusun buah-buahan yang telah ditanam semula dan dipulih mengikut negeri sehingga sekarang adalah seperti berikut:

	<i>Negeri</i>	<i>Ekar</i>
1. Johor	... ..	1,552
2. Kedah	... ..	3,338
3. Kelantan	... ..	2,014
4. Melaka	... ..	1,444
5. Negeri Sembilan	... ..	1,420
6. Pahang	... ..	4,292
7. Perak	... ..	3,185
8. Perlis	... ..	640
9. Pulau Pinang	... ..	1,096
10. Selangor	... ..	775
11. Trengganu	... ..	2,506
	<b>JUMLAH</b>	<b>22,262</b>

## PENEROKA RANCANGAN TANAH

**17. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan bilangan peneroka-peneroka rancangan tanah FELDA yang telah menjual tanah-tanah pertanian mereka untuk menyertai rancangan dan mengapa bilangan peserta-peserta bukan Melayu terlalu kecil dalam rancangan ini dan apakah tindakan yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** FELDA tiada mempunyai rekod tentang bilangan peneroka-penerokanya yang telah menjual tanah-tanah pertanian mereka sebelum mereka memasuki rancangan FELDA. Walau bagaimanapun, oleh kerana orang yang berkelayakan untuk menjadi peserta-peserta FELDA adalah terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai tanah ataupun yang mempunyai tanah tidak lebih daripada dua (2) ekar, maka adalah dipercayai bilangan peserta-peserta yang telah menjual tanah-tanah mereka untuk menyertai rancangan FELDA adalah tidak begitu ramai. Bilangan peserta-peserta bukan Melayu didapati kecil ini bukanlah disebabkan FELDA tidak dapat menerima mereka, tetapi oleh kerana konsep kepunyaan yang berdasarkan kepada kerjasama bagi rancangan-rancangan kelapa sawit dan sistem bergotong-royong yang dijalankan dalam tahun-tahun awal untuk rancangan-rancangan getah adalah tidak menarik kepada orang-orang bukan Melayu. Beberapa Kerajaan Negeri telahpun mengadakan rancangan-rancangan kemajuan tanah yang berlainan daripada rancangan-rancangan FELDA yang memberi peluang kepada orang-orang bukan Melayu untuk turut serta.

## POLIKELINIK DI JINJANG

**18. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Kesihatan menyatakan,

- (i) samada Kementerian beliau ada apa-apa rancangan untuk membina sebuah poliklinik di Jinjang New Village dan jika ya, bilakah kerja membina kelinik itu akan bermula dan bila ia dijangka akan siap; dan

- (ii) samada poliklinik-poliklinik seperti itu dirancang untuk dibina di semua kampung baharu di Semenanjung Malaysia dan jika ya, nyatakan kampung-kampung baharu itu.

## Tan Sri Lee Siok Yew:

- (i) Sebuah poliklinik telahpun dirancang dan akan dibina di Jinjang. Ini adalah mengikut polisi "decentralization" bagi perkhidmatan-perkhidmatan pesakit-pesakit luar di Kuala Lumpur. Sehingga ke masa ini, 4 buah poliklinik telah berkhidmat iaitu di Setapak, Batu, Kampung Pandan dan Jalan Bungsar. 5 buah poliklinik lagi akan dibina di Ampang, Kampung Dato Kramat, Cheras, Petaling Bahagia dan Jinjang. Perkhidmatan-perkhidmatan perubatan, pergigian, kesihatan ibu mengandung dan kanak-kanak akan diberikan oleh kelinik-kelinik tersebut.

Pelan telahpun dilukis dan "layout plan" sedang disediakan bagi kelinik di Jinjang dan lain-lain kelinik tersebut di atas. Tawaran dan dokumen-dokumen yang bersangkutan dengannya sedang disediakan untuk panggilan tawaran.

Kerja-kerja pembinaan adalah dijangka bermula pada bulan Januari/Februari 1974 dan dijangka siap dalam bulan Mac 1975.

- (ii) Berkenaan dengan kawasan-kawasan luar bandar termasuk kampung-kampung baharu, kawasan-kawasan ini mendapat perkhidmatan-perkhidmatan daripada Pusat-pusat Kesihatan Besar, Pusat Kesihatan Kecil dan Kelinik Bidan yang telah dibina di seluruh negara dan masih terus dibina mengikut kehendak-kehendak yang terdapat. Perkhidmatan-perkhidmatan perubatan, pergigian dan kesihatan ibu mengandung dan kanak-kanak adalah diberikan oleh kelinik-kelinik tersebut.

## KELABIT HIGHLANDS—KAWASAN TERNAKAN

**19. Tuan Luhut Wan** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang menjadikan Kelabit Highlands di Sarawak sebagai suatu kawasan ternakan cara besar-besaran.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Menurut keterangan daripada Kementerian Pertanian, Parit dan Taliair Negeri Sarawak, Kelabit Highlands itu satu kawasan terpencil di dalam daerah yang sukar dimasuki. Pada masa ini belum ada rancangan untuk menjadikan Kelabit Highlands itu sebagai kawasan pemeliharaan ternakan. Walau bagaimanapun satu rancangan untuk pemeliharaan ternakan secara besar-besaran telah dimulakan di Kawasan Miri-Bintulu. Setelah stesyen pemeliharaan ternakan dalam kawasan Miri-Bintulu itu berjalan dengan baiknya timbangan akan diberi mengenai keperluan pemeliharaan binatang-binatang ternakan di dalam kawasan-kawasan sekitarnya termasuklah Kelabit Highlands.

### GURU-GURU TAMIL

**20. Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) sebab-sebab Jabatan-jabatan Pelajaran enggan memberi borang-borang permohonan kepada guru-guru Tamil yang sudah berkhidmat sebagai guru Bahasa Tamil selama lebih daripada satu tahun di Sekolah Inggeris dan setahun di Sekolah Tamil untuk menghadiri kursus dalam cuti sungguhpun mereka mempunyai lebih daripada dua tahun pengalaman mengajar yang diperlukan.
- (ii) bagaimana guru-guru yang menghadiri kursus dalam cuti ini boleh mengajar dalam bahasa pengantar Tamil dalam sekolah-sekolah Tamil sedangkan mereka ini menjalani kursus mereka dalam Bahasa Malaysia keseluruhannya.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:**

- (i) Ini adalah disebabkan mereka tidak memenuhi syarat-syarat yang dikenakan pada masa ini. Di antara syarat-syarat itu ialah mempunyai pengalaman mengajar selama dua tahun atau lebih di S.R.J.K. (Tamil) dan masih mengajar di S.R.J.K. (Tamil) pada 1-2-1973.
- (ii) Adalah tidak benar kursus ini dijalankan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia. Sebenarnya mereka juga diberi kursus intensif Bahasa Tamil dan kaedah-kaedah mengajar dalam Bahasa Tamil. Mereka juga dike-

hendaki lulus dalam latihan mengajar dengan menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar.

### GURU SISWAZAH

**21. Tuan Haji Mohd Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada Kerajaan sudah menjalankan kajian untuk mencari sebab-sebab mengapa ramai guru-guru siswazah berhenti daripada menjadi guru kerana menjawat jawatan lain, jika ya, apakah sebab yang utama terjadi demikian dan
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan guru-guru itu dari meninggalkan jawatan guru.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:**

- (a) Kerajaan tidak ada menjalankan kajian mengenai sebab-sebab guru-guru siswazah berhenti menjadi guru. Kajian seperti ini adalah tidak perlu memandangkan kecilnya bilangan guru-guru siswazah yang berhenti.

Pada hari ini terdapat seramai 3,911 guru-guru siswazah dalam Kategori D1 dan D2, iaitu 2,606 dalam Kategori D1 dan 1,305 dalam Kategori D2.

Bilangan guru-guru siswazah yang telah meletakkan jawatan semenjak 1hb April, 1972, iaitu hari pertama kesemua guru-guru yang memilih memasuki Sekim Perkhidmatan Pelajaran Baru, adalah 38 orang dan ini merupakan hanya satu peratus sahaja.

- (b) Kerajaan tidak dapat menahan seseorang guru yang hendak meletakkan jawatan kerana ini adalah soal persendirian.

### RAPAT UMUM DAP DI KAMPUNG BARU SUBANG

**22. Tuan Ho Cheok Foon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang satu aduan Polis yang mendakwa bahawa dua orang pegawai Polis telah menyebabkan kekacauan dalam satu Rapat Umum D.A.P. pada 20-5-1973 di Kampung Baru Subang; jika ya, nyatakan apa tindakan telah diambil ke atas pegawai-pegawai yang berkenaan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Pada 20-5-73 satu Rapat Umum bertempat di Padang Balai Raya Kampung Baru Subang telah diadakan oleh Parti Tindakan Demokratik Rakyat (D.A.P. mulai jam 7.00 petang mengikut syarat-syarat permit seperti yang telah dikeluarkan oleh Ketua Polis Daerah Petaling Jaya. Pada jam 10.45 malam Rapat Umum tersebut telah diberhentikan oleh Polis oleh sebab seorang pensyarah telah melanggar satu daripada syarat yang tersebut di dalam permit.

Pegawai-pegawai Parti D.A.P. telah kemudiannya membuat satu pengaduan di Balai Polis Kampung Baru Subang menyatakan bahawa dua pegawai Polis telah berlagak "rude" dan "aggressive". Pengaduan terhadap kelakuan pegawai-pegawai Polis yang berkenaan telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya dan beliau telah menasihatkan bahawa keputusan terhadap pengaduan ini akan dibuat sebaik sahaja kes terhadap pelanggaran syarat permit oleh pegawai-pegawai D.A.P. dibicarakan.

Kes terhadap pegawai-pegawai D.A.P. itu akan dibicarakan tidak lama lagi.

### KESATUAN SEKERJA—KOMPOSISI KAUM

**23. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (i) samada benar bahawa kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha Parlimen beliau yang pucuk pimpinan kesatuan-kesatuan sekerja patut membayangkan komposisi kaum di negara kita adalah bertujuan untuk memecah-belahkan pekerja-pekerja menurut landasan kaum dan pada akhirnya menghancurkan kesatuan-kesatuan sekerja di negara kita; dan
- (ii) mengapa Setiausaha Parlimen beliau campurtangan dalam hal pemilihan pucuk pimpinan kesatuan-kesatuan sekerja yang setakat ini dijalankan dengan licin dan menurut prinsip-prinsip dan hak-hak demokrasi pekerja-pekerja.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):**

- (i) Adalah tidak benar yang kenyataan itu bertujuan membelahbagikan pekerja-pekerja mengikut dasar-dasar perkauman dan seterusnya menghapuskan kesatuan-kesatuan sekerja di negara kita. Malahan tujuan itu ialah untuk menambahkan lagi dan menggalakkan perpaduan Negara.
- (ii) Adalah tidak benar juga yang Setiausaha Parlimen saya telah terlibat dalam pemilihan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja. Saya juga tidak ber-setuju dengan pendapat yang pemilihan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja tidak dilaksanakan dengan licin mengikut prinsip-prinsip demokrasi dan hak pekerja-pekerja.

### TAHANAN-TAHANAN—BEBASKAN

**24. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri samada beliau akan menimbang membebaskan tahanan-tahanan yang berikut:

- (a) Lim Joo, Ho Nam Swee dan Nadarajah dari Pekerja Ladang Malaysia yang telah ditangkap pada bulan April, 1967; dan
- (b) Mahasiswa-mahasiswa Universiti iaitu Lee Ban Chen, Chin Chong San, Ong Leong San, Lim Nam Kee, Khoo Kwok Kim dan Kwang Chin Yoke supaya mereka boleh meneruskan pelajaran mereka.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Nama-nama yang tersebut di dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu telah disemak dan didapati hanya 7 orang sahaja daripada mereka masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan tidak ada orang-orang yang bernama Khoo Kwok Kim dan Kwang Chin Yoke di tahanan di bawah Akta tersebut. Kes-kes mereka yang ditahan itu adalah diulangkaji dari semasa ke semasa mengikut Seksyen 13 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 oleh Lembaga Penasihat (Advisory Board) dan samada seseorang tahanan itu dibebaskan atau tidak bergantung kepada perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga itu.

## RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN, 1974

## DAN

## USUL

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1974

## Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (19hb Disember, 1973).

*Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

*Perbahasan disambung semula.*

3.35 p'g.

## JADUAL

*Kepala B. 1 hingga B. 11, B. 13, P. 7 dan P. 9*

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail):** Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1974 di bawah Kepala B. 1, dicantumkan bersama-sama dengan B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, dan B. 13 dan diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual. Anggaran di bawah Kepala-kepala yang disebutkan di atas adalah seperti berikut:

**Tuan Pengerusi:** Kepala P. 7, tidak masuk?

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Selepas saya habis B. 13, saya kemukakan P. 7. Belanja Mengurus dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Saya mengsyorkan minta disamakan sekali. Mana-mana yang hendak diambil dalam P atau B disebut sama sekali.

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Saya juga mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya Kepala P. 7 dan P. 9 juga diluluskan bersama-sama. Saya ulang sekali lagi. Saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1974 di bawah Kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 13 diluluskan

dan menjadi sebahagian daripada Jadual. Begitu juga Anggaran Pembangunan di bawah Kepala P. 7 dan P. 9 Anggaran di bawah Kepala-kepala yang disebutkan di atas adalah seperti berikut:

1974

Kepala B. 1 — \$ 4,980,000	... untuk	Parlimen
Kepala B. 2 — \$ 147,443	... untuk	Majlis Rajaan
Kepala B. 3 — \$ 5,103,000	... untuk	Juru Odit Negara
Kepala B. 4 — \$ 2,441,480	... untuk	Suruhanjaya Pilihanraya
Kepala B. 5 — \$ 1,730,046	... untuk	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Kepala B. 6 — \$ 117,675	... untuk	Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi
Kepala B. 7 — \$23,776,630	... untuk	Perdana Menteri
Kepala B. 8 — \$49,220,000	... untuk	Jabatan Perkhidmatan Awam
Kepala B. 9 — \$ 7,768,000	... untuk	Jabatan Kehakiman
Kepala B. 10 — \$ 9,364,320	... untuk	Perangkaan
Kepala B. 11 — \$ 357,275	... untuk	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah
Kepala B. 13 — \$ 1,094,280	... untuk	Kementerian Hal Ehwal Sarawak.

*Kepala B. 1—Parlimen*

Saya mencadangkan supaya jumlah sebanyak \$4,980,000 untuk Kepala B. 1—Parlimen menjadi sebahagian daripada Jadual.

Pecahan-kepala 2100 telah berkurang sebanyak \$289,600 oleh sebab peruntukan ini sekarang ditunjuk di bawah Pecahan-kepala 1200.

Pecahan-kepala 2400 telah ditambah sebanyak \$10,000 untuk mengganti alat-alat letrik yang lama di Bangunan Parlimen ini.

Pecahan-kepala 2700 telah ditambah sebanyak \$13,000 untuk membeli alat-alatulis dan sebagainya bagi kegunaan Mesyuarat Parlimen dan Jawatankuasanya.

Pecahan-kepala 2800, telah ditambah sebanyak \$47,000 untuk memberi bantuan modal (capital grant) kepada Bandaraya melaksanakan peringkat kedua penyenggaraan kawasan Bangunan Parlimen.

*Kepala B. 2—Majlis Raja-raja*

Anggaran Belanja Mengurus Majlis Raja-raja bagi tahun 1974 berjumlah \$147,443. Ini hanya berlebih sebanyak \$1,210 daripada peruntukan tahun 1973 disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan.

*Kepala B. 3—Juru Odit Negara*

Dalam tahun 1974, Jabatan Odit memerlukan peruntukan sebanyak \$5,103,000 iaitu berlebihan sebanyak \$264,900 daripada peruntukan tahun 1973. Tambahan ini disebabkan oleh pengujudan 25 jawatan baru kenaikan gaji dan bertambahnya lawatan-lawatan untuk mengodit.

*Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya*

Jumlah peruntukan Suruhanjaya Pilihanraya bagi tahun 1974 ialah \$2,441,480, berbanding dengan \$1,897,750 bagi tahun 1973. Ini bermakna tambahan sebanyak \$543,730. Sebahagian besar daripada tambahan ini iaitu \$460,420 ialah untuk Perkhidmatan dan Bekalan. Selain daripada itu peruntukan gaji telah ditambah sebanyak \$131,592—berikutan dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan dan oleh itu terpaksa diwujudkan beberapa jawatan baru.

*Kepala B. 5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam*

Anggaran Perbelanjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi tahun 1974 berjumlah \$1,730,046. Anggaran ini bertambah sebanyak \$372,507. Daripada tambahan ini \$229,695 ialah untuk bayaran gaji kepada pegawai-pegawai baru dan juga kerana kenaikan gaji tahunan pegawai-pegawai yang sedia ada. Tambahan yang lain ialah untuk perjalanan dan pengangkutan orang, kemudahan perhubungan, perkhidmatan percetakan dan perkhidmatan pelbagai yang semuanya berjumlah \$117,990.

*Kepala B. 6—Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi*

Jumlah peruntukan yang dikehendaki bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi bagi tahun 1974 ialah \$117,675. Tambahan yang dikehendaki berjumlah cuma \$20,175 sahaja termasuk lain-lain Perbelanjaan.

*Kepala B. 7—Perdana Menteri*

Anggaran perbelanjaan untuk Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 1974 berjumlah \$23,776,630 iaitu bertambah sebanyak \$6,303,054. Daripada jumlah tambahan tersebut \$4,264,861 adalah untuk bayaran gaji. Ini disebabkan Biro Siasatan Negara sekarang diletak di bawah Portfolio Perdana Menteri dan juga kerana beberapa jawatan baru telah diwujudkan dan untuk kenaikan gaji tahunan pegawai-pegawai yang ada.

Untuk perkara-perkara di bawah tajuk Perkhidmatan dan Bekalan tambahan sebanyak \$958,266 adalah dikehendaki. Ini disebabkan oleh bertambahnya pengangkutan, kemudahan perhubungan, keperluan air dan letrik, dan kenaikan belanja perkhidmatan pentadbiran akibat daripada tambahan bilangan kakitangan-kakitangan dan perkembangan aktiviti-aktiviti di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Di bawah Pecahan-kepala “Pemberian dan Bayaran Tetap” tambahan sebanyak \$972,474 adalah dikehendaki. Ini disebabkan bertambahnya pemberian bantuan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan dan Lembaga Padi dan Beras Negara.

Berkenaan dengan tambahan di bawah Pecahan kepada “Pelbagai” sebanyak \$116,200, ini adalah untuk Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia menjalankan pelbagai kajian-kajian dan seminar-seminar.

*Kepala B. 8—Jabatan Perkhidmatan Awam*

Bagi tahun 1974 Jabatan Perkhidmatan Awam berkehendakkan peruntukan sejumlah \$49,220,000. Jumlah ini menunjukkan tambahan sebanyak \$17,108,707. Daripada jumlah tambahan tersebut, tambahan sebanyak \$1,162,185 adalah tambahan untuk gaji dan elaun. Tambahan ini disebabkan perkembangan dalam peranan dan tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam yang kian meluas yang mana merupakan tambahan kakitangan berikutan dengan penyusunan semula Bahagian Pencen di mana terdapat tambahan sebanyak 144 jawatan baru. Hal ini timbul berikutan dengan keputusan Kerajaan memusatkan urusan dan pengendalian pembayaran pencen di bawah pengelolaan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Selain daripada itu tambahan tersebut berlaku oleh kerana kenaikan gaji tahunan pegawai-pegawai.

Bagi tahun 1974 jumlah peruntukan di bawah tajuk lain-lain Perbelanjaan ialah sebanyak \$42,682,290 iaitu bertambah sebanyak \$15,946,522 daripada peruntukan bagi tahun 1973. Tambahan ini adalah selaras dengan usaha dan peranan Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya bagi mengadakan lebih banyak lagi biasiswa untuk membolehkan lebih ramai penuntut-penuntut yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan pelajaran tinggi. Adalah menjadi tujuan utama Jabatan Perkhidmatan Awam sekarang menghantar lebih ramai pelajar-pelajar ke Maktab Pertanian, Maktab Teknik dan Politeknik Ungku Omar supaya dapat memperbanyakkan orang yang berkelayakan untuk memegang jawatan separa ikhtisas di Jabatan-jabatan Kerajaan. Tekanan atau emphasis adalah juga ditujukan bagi memperbanyak kakitangan-kakitangan Para Medical memandangkan kekurangan pegawai-pegawai kumpulan ini sekarang. Selain daripada sebab yang saya sebutkan tadi, tambahan di bawah Pecahan Kepala ini adalah juga disebabkan bertambahnya perbelanjaan berkaitan dengan perjalanan dan pengangkutan.

#### *Kepala B. 9—Jabatan Kehakiman*

Bagi tahun 1974 Jabatan Kehakiman berkehendakkan peruntukan sebanyak \$7,768,000. Ini merupakan tambahan sebanyak \$11,209 sahaja. Tambahan ini nampak kecil jika dibanding dengan tahun 1973, oleh sebab bagi tahun 1974 peruntukan di bawah tajuk "Pembelian Harta Modal" telah banyak dikurangkan. Akan tetapi di bawah tajuk GAJI peruntukan telah ditambah untuk 25 jawatan baru.

#### *Kepala B. 10—Perangkaan*

Jabatan Perangkaan memerlukan peruntukan berjumlah \$9,364,320 bagi Tahun 1974 iaitu berkurangan sebanyak \$1,300,768 daripada tahun 1973. Ini disebabkan Jabatan ini tidak bercadang hendak membeli apa-apa alat atau equipment bagi tahun 1974. Anggaran untuk gaji menunjukkan kenaikan sebanyak \$251,071 yang disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan.

#### *Kepala B. 11—Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah*

Peruntukan yang dipohonkan bagi Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah berjumlah \$357,275 iaitu berlebihan sebanyak \$104,726 daripada peruntukan bagi tahun 1973. Kelebihan ini disebabkan Pejabat ini bertanggungjawab menyelenggarakan Bangunan Rumah Persekutuan, Kota Kinabalu di mana terletak 19 buah Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain.

#### *Kepala B. 13—Kementerian Hal Ehwal Sarawak*

Bagi tahun 1974, Kementerian Hal Ehwal Sarawak memerlukan peruntukan sebanyak \$1,094,280 iaitu bertambah sebanyak \$239,850 daripada peruntukan tahun 1973. Sebenarnya tidak ada tambahan dibuat untuk Kementerian ini tetapi cuma dipindah peruntukan sebanyak \$239,850 yang dahulunya dibekal di bawah peruntukan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada Anggaran Pembangunan Tahun 1974. Saya mengusulkan supaya Anggaran Pembangunan di bawah Kepala P. 7—Perdana Menteri diluluskan. Anggaran di bawah Kepala yang tersebut berjumlah sebanyak \$150,216,360 iaitu \$74,491,360 sebagai pemberian dan \$75,725,000 sebagai pinjaman.

*Pecahan-kepala 1.* Peruntukan sebanyak \$100,000 adalah dibuat untuk menemui perbelanjaan pengangkutan dan insuran bagi alat-alat yang didermakan oleh Kerajaan Kanada di bawah Rancangan Colombo. Ini ialah untuk semua Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan kecuali Kementerian Pelajaran, Keretapi Tanah Melayu dan MARA.

*Pecahan-kepala 3.* Peruntukan sebanyak \$5 juta dicadangkan bagi tahun 1974 untuk kajian-kajian kemungkinan (feasibility study) yang sedang dijalankan dan juga untuk kajian-kajian baru di dalam sektor-sektor pengangkutan dan pembangunan kawasan dan bandar untuk mengesan projek-projek yang mungkin dilaksanakan dan dibiayai dari luar negeri.

Kajian-kajian baru di dalam sektor pengangkutan adalah Pemecahan Perhubungan Lalulintas Kuala Lumpur-Petaling Jaya

(Traffic Dispersal Links). Kajian Kemungkinan Perhubungan Jalan Raya Timur Barat, Jalan Rantau Panjang/Kota Bharu, Jalan Seremban/Tampin/Yong Peng, Jalan Ipoh/Tapah/ Bidor dan Kajian Jalan Raya Klang/Petaling Jaya/Damansara.

Lima kajian kawasan dan bandar yang baru akan dilancarkan pada awal tahun 1974. Ini ialah Kajian Pusat-pusat Bandar Baru (New Growth Centres Study). Kajian Pembangunan Trengganu Tengah, Kajian Perancangan dan Pembangunan Perak Utara, Kajian Lembah Sungai Trengganu dan Kajian Perancangan dan Pembangunan Kawasan Johor Selatan. Tujuan kajian-kajian tersebut ialah untuk menyediakan satu pelan jangka panjang untuk memandu usaha pembangunan di kawasan itu dan mengadakan rancangan-rancangan yang lengkap bagi melaksanakan projek-projek yang tertentu.

Di Sarawak peruntukan sebanyak \$2.4 juta adalah dibuat di bawah Pecahan-kepala 21 untuk menyiapkan kajian kawasan Miri-Bintulu yang telah dimulakan pada bulan Mei, 1973 dan untuk Kajian Pelabuhan Air Dalam di Tanjung Kindurong, Bintulu.

Di Sabah, peruntukan sebanyak \$600,000 adalah dibuat di bawah Pecahan-kepala 31 untuk menyiapkan tiga Kajian Kemungkinan Jalan, Sabah.

*Pecahan-kepala 5.* Peruntukan sebanyak \$300,000 ialah untuk meneruskan projek pengambilan gambar udara yang diperlukan untuk usaha pemetaan kegunaan tanah dan pengurusan hutan.

*Pecahan-kepala 6.* Untuk Perbadanan Pembangunan Bandar atau UDA. Peruntukan sebanyak \$50 juta (\$47 juta pinjaman dan \$3 juta pemberian) untuk tujuan-tujuan seperti berikut :

- (a) Mengadakan kawasan-kawasan perniagaan untuk orang-orang Melayu dan kaum-kaum bumiputra yang lain supaya dasar Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat dapat dicapai;
- (b) Menjalankan projek-projek pembangunan bandar dan pembangunan semula bandar; dan

- (c) Memberi bantuan dalam bentuk modal dan pengawasan pengurusan kepada pelabur-pelabur dalam bidang perdagangan dan perusahaan.

*Pecahan-kepala 7.* Peruntukan sebanyak \$28,225,000 adalah dicadangkan untuk Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara. Sebahagian besar dari peruntukan tersebut akan digunakan bagi memajukan kemudahan-kemudahan asas infrastruktur. Ini termasuklah penubuhan pusat-pusat bandar baru dan peruntukan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan, parit, saluran najis dan pembekalan air. Baki peruntukan itu ialah bagi memajukan pertanian dan industri di kawasan itu. Lembaga ini juga akan mengendalikan kerja-kerja menggalak pelaburan bagi menarik dan memulakan pelaburan di kawasan tersebut.

*Pecahan-kepala 9.* Untuk Lembaga Kemajuan Johor Tenggara, peruntukan sebanyak \$32,650,670 adalah dicadangkan. Dari jumlah ini, \$27,150,670 adalah secara pemberian dan \$5,500,000 pinjaman. Dalam tahun-tahun 1971-73, Lembaga ini telah menumpukan kepada perancangan asas-asas projek. Kebanyakan dari projek-projek ini adalah sekarang siap sedia untuk dilaksanakan dalam tahun 1974. Sebab itulah didapati sekarang kenaikan yang agak besar ke atas peruntukan bagi Lembaga tersebut jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1973 sebanyak \$2.76 juta. Sebahagian besar dari peruntukan tahun 1974 adalah untuk mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti pembinaan jalanraya dan jalan, jambatan, bekalan air dan pembangunan bandar-bandar dan kampung-kampung baru.

*Pecahan-kepala 10.* Adalah dicadangkan wang sejumlah \$16 juta dipinjamkan kepada Lembaga Padi dan Beras Negara untuk membina beberapa buah kompleks yang disatukan (integrated complex) sebahagian daripadanya telahpun dimulakan dalam tahun 1973. Kompleks-kompleks tersebut ialah :

- (a) Peringkat III, MUDA yang mengandungi 6 buah kompleks.
- (b) 2 kompleks di Tanjung Karang.
- (c) Satu kompleks di Krian, Perak.
- (d) Peringkat II, Kelantan yang mengandungi 2 kompleks.

- (e) Besut peringkat I yang mengandungi satu kompleks.

Tiap-tiap satu kompleks ini akan mempunyai keupayaan mengering sebanyak 20 tan sejam dan keupayaan mengilang sebanyak 5 tan sejam.

*Pecahan-kepala 12.* Untuk Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah, peruntukan sebanyak \$560,680 adalah dicadangkan. Lembaga ini telah ditubuhkan pada bulan Mei 1973 dan bertanggungjawab bagi seluruh penyamaan kegiatan-kegiatan pembangunan di Kawasan Trengganu Tengah yang meliputi kawasan seluas 1.1 juta ekar. Satu Jawatankuasa Bertindak (Task Force) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah menyediakan garisan-garisan rancangan pembangunan bagi kawasan tersebut berdasarkan kepada kemungkinan penggunaan tanah dan unsur-unsur lain di kawasan tersebut. Peruntukan dalam tahun 1974 itu ialah bagi membiayai kajian pembangunan di kawasan itu. Kajian yang akan berlangsung selama 6 hingga 8 bulan itu akan menyemak rancangan pembangunan yang sedang berjalan sekarang dengan menumpu kepada perkara-perkara yang tidak ditempuhi oleh Jawatankuasa Bertindak dan seterusnya menyediakan satu rancangan pembangunan bagi meliputi seluruh kawasan tersebut.

*Pecahan-kepala 14.* Pusat Kemajuan Pentadbiran Kawasan Asia telah dianjurkan bersama oleh Bangsa-bangsa Bersatu, Kerajaan Malaysia dan negara-negara lain yang menjadi ahli E.C.A.F.E. Tujuan-tujuan pusat ini ialah:

- (a) Memperbaiki kebolehan pentadbiran dan pengurusan negara-negara yang turut serta.
- (b) Menjalankan penyelidikan dan kajian-kajian perbandingan dan menganjurkan seminar-seminar dan rancangan-rancangan latihan.
- (c) Mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan perunding dalam bidang pengurusan dan pentadbiran.

Peruntukan dalam tahun 1974 adalah untuk membiayai 30% dari perbelanjaan membina sebuah bangunan untuk Pusat itu.

*Pecahan-kepala 15.* Peruntukan sebanyak \$8 juta adalah untuk membolehkan pem-

berian yang lebih diberi kepada negeri-negeri untuk memperbaiki jalan-jalan di luar bandar.

*Pecahan-kepala 16.* Peruntukan sebanyak \$3 juta ini adalah untuk mengadakan kemudahan-kemudahan hidup kepada penduduk-penduduk luar bandar supaya taraf hidup mereka dapat diperbaiki. Projek-projek yang akan dilaksanakan daripada peruntukan ini ialah jalan-jalan luar bandar/“footpaths”, jambatan, padang permainan, bekalan air, jeti, perigi, dewan-dewan masyarakat, sekim-sekim taliair kecil dan lain-lain lagi.

Peruntukan sejumlah \$750,000 telah diadakan di bawah P.K. 22 untuk Negeri Sarawak dan sebanyak \$500,000 di bawah P.K. 32 untuk Sabah bagi tujuan yang sama.

*Pecahan-kepala 17.* Peruntukan sebanyak \$1 juta untuk Perancang Keluarga adalah untuk memulakan sumbangan Kerajaan sebanyak satu pertiga, bagi melaksanakan projek yang dibiayai bersama oleh Kerajaan Malaysia, Bangsa-bangsa Bersatu dan Bank Dunia. Peruntukan bagi tahun 1974 adalah untuk pelaburan modal bagi pejabat-pejabat dan kelengkapan di peringkat-peringkat persekutuan dan negeri.

Peruntukan tahun 1974 yang berjumlah \$150,216,360 adalah 22 peratus lebih daripada peruntukan tahun 1973 yang berjumlah \$117,052,855. Kenaikan yang agak besar ini disebabkan kenaikan peruntukan bagi sektor-sektor awam di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua. Kenaikan ini adalah disebabkan oleh tiga faktor, *pertama*, kesan-kesan dari kenaikan paras harga pada seluruhnya, *kedua*, kerana kebanyakan dari projek-projek pada masa ini berada di peringkat akhir pelaksanaan, dan *ketiga*, perkembangan rancangan-rancangan yang ada sekarang dan kemasukan projek-projek baru di dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua. Dalam hal ini beberapa kajian kemungkinan yang baru telah dimasukkan untuk menyediakan projek-projek bagi pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Adalah perlu diperhatikan bahawa dalam tahun 1974 beberapa projek seperti “Pemberian Kepada Negeri-negeri untuk Jalan-jalan Luar Bandar” dan Lain-lain Sekim Pembangunan Luar Bandar

telah dipindahkan kepada Kepala P. 7 oleh kerana ini akan membolehkan penyelarasan, pelaksanaan dan pengawalan kewangan yang lebih baik.

Tuan Pengerusi, saya usulkan supaya peruntukan-peruntukan yang disebutkan tadi yakni belanja Mengurus dan belanja Pembangunan diluluskan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

4.02 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka):** Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh perkara yang pertama—Majlis Keselamatan Negara, di bawah Kepala B. 7, Pecahan-kepala Kod 1100 (4), muka 48. Majlis ini telah ditubuhkan untuk bertanggungjawab menyelaraskan dasar-dasar keselamatan Negara serta juga dasar-dasar yang berkaitan dengan perkara-perkara yang mempunyai implikasi keselamatan secara langsung. Ia juga menyelaraskan pelaksanaan gerakan-gerakan keselamatan.

(*Dengan izin*) The Government is asking for a doubling of the allocations for the National Security Council next year. A study of the operating expenses of the National Security Council shows that they were increased by leaps and bounds.

Thus in 1972, the National Security Council's operating expenses stood at \$180,757. For 1973, it was allocated \$300,000 and for next year, a 100% increase of the allocation is requested from this House, namely, \$577,100. This, I submit, is reflection of the worsening security situation in the country, despite the many brave statements which the Government regularly puts out about having the security situation under control. Invariably, such self-assurances are exploded by fresh security incidents either in Sarawak or in Peninsular Malaysia.

Only this Monday, the Chief Minister of Sarawak said in this Chamber that it would not be too long before real peace would be restored in the State. His optimism is not shared by the Federal Government, as seen by this increased allocation required for the National Security Council for next year. This is further highlighted by the explanations given by the Government in asking for

increased allocations. Thus, in page 121 of the Anggaran Belanjawan, 1974, Program dan Prestasi, the pink book. . . .

**Tuan Pengerusi:** I have not got this one.

**Tuan Lim Kit Siang:** We are told that for the year 1974, I quote:

“Keadaan kekacauan yang berat sebagai akibat dari tindak-tanduk komunis, terutamanya di kawasan-kawasan sempadan, Perak dan Sarawak, sewajarnya memerlukan tindakan-tindakan yang gigih, padu dan dirancang dari pihak-pihak keselamatan samada di peringkat Persekutuan maupun di peringkat Negeri.”

Lagi:

“Dengan adanya aliran perkembangan-perkembangan baru dari ancaman komunis, maka setengah-setengah kegiatan tindak balas perlu dirancang dan diselaraskan dengan lebih berkesan lagi.”

Fundamentally, if we are to effectively solve the security problem in Malaysia, we must recognize that it is basically a political, socio-economic problem. If you fail to recognise this, you can treble or even increase by ten-fold our allocations for the National Security Council, but they will be to no avail. On the other hand, if the people are contented and happy with the political, socio-economic system, then there will be no ground for a security problem to flourish or even to sustain itself.

Dalam masaalah ini, Jabatan Perdana Menteri ini juga telah membuat satu gerakan baru. Gerakan baru ini ialah berdasarkan kepada kajian ini, tetapi kesannya gerakan baru yang saya fikirkan supaya dapat memberi menafaat khasnya penduduk luar bandar. Saya fikir ini sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru kita, iaitu kita hendaklah memikirkan kepada ahli Jawatankuasa Kampung yang bertanggungjawab ataupun menjadi perantaraan dengan Kerajaan dalam gerakan baru ini, iaitu kita perhatikan tentang kesihatan di kampung, hasil pengeluaran pertanian yang bercorak moden, belia-beliawanis yang ada pekerjaan, pelajaran anak-anak kita digalakkan supaya dapat pelajaran tinggi. Di kampung itu juga kita mengharapakan supaya menubuhkan syarikat kerjasama atau ajensi-ajensi Kerajaan dan kita mahu di kampung itu juga mereka membeli saham yang diuntukkan oleh Kerajaan. Dalam gerakan ini, saya fikir barulah sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru.

Yang kedua, Pecahan-kepala 6—UDA. Ini juga satu perkara yang saya fikir patut difikirkan oleh Jabatan yang berkenaan. UDA ini janganlah terbatas projeknya kepada bandar yang besar-besar. Sepatutnya diluaskan kegiatannya ke pekan-pekan atau bandar-bandar yang bertujuan supaya dapat dinikmati oleh khasnya bumiputra.

Satu perkara lagi, berkenaan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam. Rakan-rakan saya telah sebut perkara ini tadi, saya cuma hendak sentuh Majlis ini sangat baik, tetapi saya menarik perhatian supaya di masa akan datang seseorang yang bukan keahlian ugama jangan membuat tafsiran yang boleh mengelirukan orang-ramai. Saya hendak sentuh masalah khutbah, terjemahannya ke lain. Orang yang bukan ahli ugama itu jangan membuat terjemahan ini. Misalnya khutbah kita kata 'ittakullah' itu takut kamu akan Allah, tetapi dia kata suruh kasih kepada Allah. Perkara yang semacam ini mengelirukan orang. Jadi serahkan kepada Majlis Hal Ehwal Ugama. Satu perkara lagi Majlis

Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam ada membuat ujian Quran. Astaka kita pada tahun ini adalah satu lambang "Allah" yang berpusing. Orangramai kata bahawa Allah itu berpusing. Keadaan yang macam ini cuma mensyubahatkan fikiran orangramai. Kalau kita buat lambang "Allah" itu empat penjuru, alangkah baik. Orang selalu sebut Allah itu berpusing, katanya. Walaupun perkara ini kecil, tetapi dari segi iman kita telah terjejas.

Tuan Pengerusi, muka surat 56, Pecahan-kepala 15—pemberian Kepada Negeri-negeri untuk Jalan Luar Bandar dan juga saya sekaligus lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar, Pecahan-kepala 16.

Saya harap pemberian kepada Kerajaan Negeri pada masa akan datang supaya tidak merugikan wang rakyat hingga jangan kita memberi melalui pendorongan, tetapi ada lebih baik memberi barang-barang ini kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung itu supaya rakyat di tempat itu boleh membuat kerja. Sebab dahulu kedapatan Kerajaan Negeri memberi batu merah kerana membuat jalanraya di kampung, 1,000 lori, tetapi yang sampai ke tangan rakyat untuk faedah rakyat cuma 800. Ini satu masaalah yang merugikan duit yang kita hendak beri ini.

Yang kedua, masaalah membuat projek-projek kecil—jambatan, surau, balai raya. Kita jangan gunakan pendorong lagi. Ada lebih baik beri wang \$3,000 kepada Jawatankuasa Kampung yang ada itu suruh mereka buat jambatan, suruh mereka buat surau; orang kampung boleh buat. Tetapi kita beri kepada pendorong, pendorong terima \$3,000 surau yang dibuat itu hanya \$2,000. Jadi masaalah ini patut Kerajaan bertindak supaya tidak merugikan duit rakyat.

Akhirnya, saya hendak cerita dalam masaalah kawasan bandar-bandar baru. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menyatakan banyak . . . .

**Tuan Pengerusi:** Buku mana Yang Berhormat, hendak sebutkan itu.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Buku Belanjawan Persekutuan.

**Tuan Pengerusi:** Banyak sangat buku, saya keliru, saya pun pening. Cuba pegang buku itu dan sebutkan muka, pecahan-kepala yang hendak ditegor itu.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Saya berpandu kepada buku ini atas ucapan Yang Berhormat Menteri tadi, dia telah menyebut Lembaga Kemajuan Johor Tenggara, Pahang Tenggara, Trengganu Tengah. Masaalah bandar baru itu menunjukkan tamadun sebuah negara. Sekarang kita ada bandar Johor Bahru, bandar Kuala Lumpur, bandar Kuantan, semua sekali dicipta zaman penjajahan. Kita mahu dengan bandar baru yang dibuat ini iaitu satu tamadun yang bercorak ke Malaysian, dan juga kalau boleh satu masa lagi, bandar baru yang ada ini kita akan gantikan kepala negeri yang ada sekarang. Umpamanya Johor Bahru sekarang pekan-nya penuh sesak kita gantikan kepada Johor Tenggara. Begitu juga Pahang Tenggara, kita gantikan Kuantan itu Kepala negeri Pahang kepada Pahang Tenggara. Begitulah di tempat-tempat yang lain. Ini pandangan saya.

Saya hendak bercakap berhubung dengan Lembaga Padi dan Beras, muka 56, Pecahan-kepala 10. Dalam masaalah Lembaga Padi dan Beras ini, saya menyokonglah peruntukan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan hendak mengadakan berbagai-bagai kompleks jelapang padi kita, sebab kalau kita tidak usahakan pada masa sekarang, rakyat dalam negeri ini makan beras stockpile yang berhabuk, beras dari Negeri Cina. Rakyat bersungut, beras tempatan tidak dapat, dia dapat beras berabuk daripada Negeri Cina, kadang-kadang sakit perut kalau mereka makan.

Yang Kedua beras di Tanjong Karang itu pada masa sekarang oleh sebab tidak ada komplek maka beras itu jadi merah. Dengan adanya rancangan-rancangan ini, kita dapat meninggikan mutu beras kita ini. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli yang hendak bercakap sediakan buku hijau dan buku merah dan sebutkan muka berapa. Jangan terus berucap begitu sahaja.

5.20 ptg.

**Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara):** (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I refer to the Federal Budget, 1974 Kepala P. 7, Muka 56, Pecahan-kepala 10—National Padi and Rice Authority which has an allocation of \$16 million.

Tuan Pengerusi, the L.P.N. was set up with the objective of ensuring that the public obtain their rice requirements, which is their staple food, at reasonable prices. However, Tuan Pengerusi, the L.P.N. has completely failed to fulfil the aim for which it was set up. The padi farmers in all the padi-growing areas of the country are absolutely dissatisfied with the manner in which the L.P.N. has gone about trying to control the movement of rice within the country.

First, as an example, the L.P.N. prohibited the movement of rice from Kedah to outside Kedah, when, in fact, the L.P.N. had no such authority. The L.P.N. officials put up barriers at the Muda Bridge to stop rice from going out of Kedah. There was no such authority, and when the padi planters threatened to burn their harvest the L.P.N. gave in. It just shows, Tuan Pengerusi, that the L.P.N. officials did not even know what authority they had, what they could do and what they could not do.

**Tuan Pengerusi:** What is the amount you are referring? Do you wish the amount to be reduced? Talk about the amount in dollars and cents.

**Tuan Peter Paul Dason:** Boleh, Tuan Pengerusi. Buku merah, muka 144, there is an item for gaji.

**Tuan Pengerusi:** Well, keep to the gaji then; no stories, just the gaji—is it too much or too little and what is your reason for wanting to reduce it. The House is in Committee now; it is not the time to make lengthy speeches.

**Tuan Peter Paul Dason:** What I am saying, Tuan Pengerusi, is that the L.P.N. officials have a duty . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Mention the amount you are dissatisfied with, not the duty.

**Tuan Peter Paul Dason:** The gaji is too high. The gaji should be reduced.

**Tuan Pengerusi:** Well, then say so. What is the amount of the gaji that is too high? If you are not ready, let somebody else carry on. You can speak later.

5.24 ptg.

**Tuan Hor Cheok Foon (Damansara):** (*Dengan izin*) I would like to refer to the Federal Budget 1974, Kepala Pembangunan 7.

**Tuan Pengerusi:** Page?

**Tuan Hor Cheok Foon:** Page 54, Pecahan-kepala 3 dan Buku Merah, muka 132, Section (e) (2).

Tuan Pengerusi, we notice that the Government is planning a new road to link Petaling Jaya and Jalan Duta through Damansara Heights. We welcome this plan in order to relieve the traffic congestion of the two existing roads, that is, Jalan Bungsar dan Jalan Lornie, which connect Kuala Lumpur and Petaling Jaya. Although in recent years some business houses and offices have been decentralised moving out of Kuala Lumpur to Petaling Jaya, but essentially Kuala Lumpur still remains as a business centre to which people staying in Petaling Jaya have to travel daily.

Tuan Pengerusi, the time has come for us to plan the traffic communication between Petaling Jaya and Kuala Lumpur with a modern approach because the conventional road traffic system which conveys people and goods to and fro the two cities is fast becoming obsolete. I suggest, Tuan Pengerusi, the only solution to this problem is to make a study of the communication system between these two places. With some observation, Tuan Pengerusi, one could easily notice that the office workers, shopkeepers and housewives who travel by cars and buses from Petaling Jaya to Kuala Lumpur could change to another form of communication like what I suggest here—the mass rapid transport system.

**Tuan Pengerusi:** I want to hear what is the amount that you are dissatisfied with.

**Tuan Hor Cheok Foon:** Tuan Pengerusi, I am enumerating this aspect of spending money on the feasibility studies.

**Tuan Pengerusi:** What is the amount?

**Tuan Hor Cheok Foon:** We have altogether spent \$5 million for feasibility studies and from what I have said just now,

this \$5 million will go down the drain if we do not plan for some more roads and do not think radically and clearly how to approach the modern way of communications between the two cities.

**Tuan Pengerusi:** Where is the amount of \$5 million?

**Tuan Hor Cheok Foon:** With your permission, Sir, can I carry on?

**Tuan Pengerusi:** No. Tell me where is the \$5 million stated here.

**Tuan Hor Cheok Foon:** This \$5 million is in Kepala Pembangunan 7, page 54, Sub-head, Kajian Rancangan. This is the amount of money which the Government is going to spend and it is provided under the Prime Minister's Department. To be specific, it is under the Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan and this section, may I repeat, is the Kajian Kemungkinan.

**Tuan Pengerusi:** It would have saved a lot of time . . . . .

**Tuan Hor Cheok Foon:** I am talking about . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Listen to me! It would have saved a lot of time if you had mentioned this first. Now, carry on.

**Tuan Hor Cheok Foon:** Thank you very much. Touching on this Mass Rapid Transport System, which is commonly known as M.R.T., could be in the form of mono-rail or electric train running on sub-way or surface track which will be able to commute thousands of passengers during the peak hours in the morning and in the evening within the shortest possible time.

I refer to the other aspects of these feasibility studies of Kuala Lumpur, which you will see on page 131 of the Buku Merah under Kajian Kuala Lumpur Sewerage. The date of the switch-over of Kuala Lumpur to Federal Territory, the Capital City Malaysia, is drawing nearer. The Government should watch very carefully over the problem which is now facing the Capital City during this transitional period. Our Prime Minister had assured this House a few days ago that he was satisfied with the administration of the Dewan Bandaraya

under the Ministry of Local Government and Housing. Nevertheless, it is unavoidable and undeniable that the social problems arising from the metropolis of the size and the magnitude of Kuala Lumpur today would be more difficult to be resolved without the function and the facilities of a popularly elected City Council, even though the Central Government would like very much to exercise absolute power, which they have assumed. The many problems which Kuala Lumpur is facing today arose from the rapid development of a city without the corresponding coordination and far-sightedness in long-term planning which are the pre-requisites for a city to grow healthily, without the ill effects showing up in the future.

Tuan Pengerusi, it has been evident that the building plan approval granted and issued by the Dewan Bandaraya in recent years has substantially deviated from the gazetted comprehensive Development Plan 1039 (A) and (B), 1040 and 1041. Among the serious aspects generated from the approval of high-rise building plans in the City of Kuala Lumpur are the questions of whether there is any solution to vehicular traffic, parking and health problems which are absolutely necessary for the city to function normally, healthily, with today's standards or even with future standards. The problems generated may not be apparent in the immediate future but they would be fatal and eventually kill the city in the long run.

Tuan Pengerusi, I would like quickly to switch over to another topic on page 56 in the Federal Budget, 1974—Lembaga Padi dan Beras Negara; and also page 142 in the Buku Merah. Tuan Pengerusi, Honourable Members from both sides of this House have given their serious views on the issue of rice since this session commenced last month. One of the many serious aspects of the rice crisis is that the people of this country are not able to purchase rice at the prices fixed by the Government, i.e. the L.P.N. Tuan Pengerusi, I suggest to the Government and to the L.P.N. in particular that in view of the fact that the price tagging has proved ineffective, why not insist that all rice available for sale should be properly packed and certified by the L.P.N. This method could prove to be an effective way to enable consumers to purchase rice at the retail level. I suggest that the rice should be packed in transparent

packets with the type, the grade, the weight and the price of that particular packet of rice on it and this packet should be certified and sealed by the L.P.N. Sir, this measure would deter the wholesalers and retailers from meddling with the quality and the price of rice and the consumers too, would be certain that what they are paying for is the correct price for the right quality of rice. On this same aspect, Tuan Pengerusi, I would ask the Government to encourage the members of the Armed Forces, Police and Government Hospitals to adjust their food habit, from 100% rice to change over progressively to wheat, i.e. bread, noodle and so on. If this major adjustment could be made by our people, then the rice crisis in this country would take a major turn to a solution. Therefore, I urge the Government to recognise the fact that one of our immediate neighbours, i.e. Australia, is one of the world's biggest producers of wheat and with the amount of foreign exchange that we can earn from our rubber, tin and timber, we would buy the necessary wheat on a long-term programme which could enable us to feed our people who are prepared to sacrifice a bit of their eating habit for the national interest. I hope, Tuan Pengerusi, that the Government could consider this proposal seriously.

Tuan Pengerusi, I come to another aspect. I refer to page 55, Kepala Pembangunan 7, Pecahan-kepala 6, mengenai dengan Perbandaran Pembangunan Bandar dan saya sukacita menyatakan kami semua setuju kepada tujuan Kerajaan dan memberi sokongan kepada UDA. But, Tuan Pengerusi, nevertheless, with the large amount of money, i.e. \$50 million which the Government has now entrusted into the hands of UDA, the Government must see to it that this amount of money is wisely and fully utilised to achieve the objectives of the Government and nothing else should deviate from that. Therefore, Tuan Pengerusi, it will still be valid for me to repeat my call which I have made in this House that the Government should set up an All-Party Parliamentary Committee to act as a watchdog on the activities of UDA to ensure that fairness and honesty is upheld in the implementation of its policy.

We also notice from page 154 of the pink book that UDA has also participated in projects with the private sector, to which we

say "well and good" for joint ventures of this nature in order to take a short cut to achieve the objectives of UDA. However, in any joint ventures of this kind, one cannot rule out the possibility of opportunists and unscrupulous capitalists making use of the facilities and the authority of UDA to achieve their own selfish gain. As such, Tuan Pengerusi, before the deserving bumiputras and their brethren Malaysian have-nots could benefit from UDA, this group of influential businessmen could well get richer with the same help from the Government.

Secondly, Sir, I urge the Prime Minister to set up an independent Arbitration Tribunal to vet every case regarding UDA's intention to acquire private properties in Kuala Lumpur for redevelopment. Tuan Pengerusi, since UDA is the party involved in acquiring these properties owned by legitimate Malaysians, they should not be the judge and the executor of the law both at the same time. I say this on account of the so many representations of fears and complaints received by me from the property owners.

Tuan Pengerusi, coming to the technical aspect of what UDA is now carrying out, I observe that there is a lack of study, careful planning, in respect of completion time, building economy and the methods of construction. Sir, time, practicality and cost is the essence of success of all Government projects. We observe, for example, the complex which is now under construction in the ex-bus terminal and the ex-Dental Clinic along Jalan Pudu, Kuala Lumpur, which involves unnecessary time and cost in the excavation of a basement. Excavation of this nature just to achieve the basement floor would be very tedious and uneconomical especially when the work had to be carried out during the recent monsoon season. I wonder how long UDA is planning to get this complex off the ground and how many months of work have to be put in. Sir, I submit that the people are waiting for UDA to deliver the goods. Sekianlah, terima kasih.

5.42 ptg.

**Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap sepatah dua dalam beberapa bahagian dan di beberapa Kepala yang ada dalam buku Anggaran Belanjawan bagi tahun 1974 ini.

Tuan Pengerusi, muka surat 36, B. 4 Aktiviti (2) Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih. Di dalam anggaran peruntukan sebanyak \$234,615 diuntukkan untuk pendaftar pengundi. Apa yang saya harap supaya peruntukan ini benar-benar dapat menghasilkan, menjayakan keseluruhan penduduk-penduduk Semenanjung Malaysia ini yang berhak—yang sampai umur 21 tahun dapat mengundi. Dan ini saya syorkan supaya Pegawai Suruhanjaya Pilihanraya bagi tiap-tiap Negeri supaya mengkaji dengan sebenar-benarnya bagaimanakah mencari Penolong Pegawai Pendaftar.

Apa yang kita merasa bimbang perkara-perkara yang telah berlaku. Penolong Pegawai Pendaftar tidak dapat menyempurnakan tugas-tugasnya selain daripada mendapat bayaran-bayaran yang diberikan kepada mereka. Ditugaskan mereka mendaftarkan keseluruhan orang-orang yang layak menjadi pengundi lebih-lebih lagi di tempat-tempat yang jauh—tempat-tempat kedudukan pengundi-pengundi daripada pusat-pusat pengundi khususnya macam Kelantan, Trengganu, Kedah tempat yang susah-susah Penolong Pegawai Pendaftar hendak sampai kepada pengundi-pengundi ataupun orang-orang yang ingin mendaftarkannya sebagai pengundi. Maka dengan itu, wang kita bayar, Penolong Pegawai Pendaftar tidak pergi mendaftarkan orang untuk mengundi maka tujuan kita membelanjakan sebanyak ini tidak berhasil.

Tuan Pengerusi, B.7, maka surat 48, Aktiviti (5) Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam wang diperuntukkan sebanyak \$204,630 bagi tahun 1974. Apa yang saya ingin menarik perhatian dalam perkara ini saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya mencepatkan sedikit pengambilan Pegawai-pegawai Dakwah dan segala-galanya sebagaimana buku merah ini, muka 122 (v) Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia. Saya tengok kerja-kerja dan tugas-tugasnya alhamdulillah amatlah baik. Kalaulah ini dapat dijalankan insya Allah negara kita ini akan menjadi sebuah negara yang masyarakatnya memahamkan prinsip-prinsip keagamaan khususnya Islam, maka akan tidak timbullah perkara-perkara keburukan akhlak, hisap dadah dan sebagainya. Insya Allah kalaulah perkara ini dapat dicepatkan, dapat ditugaskan dan dijalankan

perlaksanaannya dengan baik insya Allah perkara ini akan baiklah bagi tujuan-tujuan dengan matlamat kita tubuhkan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam ini.

Tuan Pengerusi, P. 7, muka surat 56, Pecahan-kepala 10—Lembaga Padi dan Beras Negara. Apa yang saya dapat baca dalam buku merah ini diuntukkan sebanyak \$16 juta ini dipinjamkan kepada Lembaga Padi dan Beras Negara untuk membuat kompleks pengilangan padi. Inilah yang saya tidak mengerti diuntukkan \$16 juta ini untuk L.P.N. membuat kompleks mengering padi, tetapi tidak terbayang pun kepada Kerajaan untuk memberi pinjaman kepada L.P.N. membuat kilang padi.

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi. Peruntukan ini untuk mengering dan mengilang padi—kedua-duanya sekali.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Pengerusi, terima kasih atas penjelasan itu dan sedaplah sedikit saya bercakap. Soal L.P.N. ini saya dengar sepanjang-panjang perbahasan dalam dua tiga minggu yang lepas dalam Dewan ini banyak orang marah kepada L.P.N., tetapi saya membela L.P.N. Saya yakin L.P.N. ini kalaulah benar-benar Kerajaan dengan sepenuh tenaga dan memberikan kekuatan kepadanya insya Allah krisis beras yang ada pada masa sekarang ini dengan sendirinya akan hilang. Oleh kerana, L.P.N. sekarang ini khasnya di Kedah berlawanan dengan pengilang-pengilang besar-big rice millers. Oleh kerana setahu kita L.P.N. ini cuma ada bahagian 1% sahaja dalam bahagian pengeluaran beras ini, maka oleh sebab itulah pada saat ini L.P.N. tidak dapat menyampaikan big rice millers dan saya menyeru dan saya mengesyorkan kepada Kerajaan pada tahun depan walaupun Tuan Pengerusi mengatakan tidak boleh tambah, tetapi bukan tambah tahun ini, tahun depan, sekurang-kurangnya kita mesti menguntukkan kepada L.P.N. peruntukan lima enam puluh juta lagi untuk mengadakan persiapan-persiapan supaya L.P.N. ini menjadi satu tenaga monopoli di dalam hal padi dan beras dalam negara ini supaya dapat kita menghapuskan krisis beras dan padi.

Tuan Pengerusi, P. 7 juga Pecahan-kepala 15—Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar sebanyak \$8 juta. Dan ini apa yang saya harapkan bahawa \$8 juta ini mestilah dihabiskan untuk kepentingan jalan-jalan di luar bandar. Sebab apa yang saya tahu, kadang-kala pernah beralaku \$8 juta ini tidak habis dibelanjakan. Apa sebab wallah-ulalam mungkin oleh kerana tidak ada akitek, tidak ada orang-orang yang bertanggungjawab untuk membuat jalan-jalan kecil ini. Kita mesti sedar bahawa selama kita merdeka ini orang luar bandar ini belum dapat menerima nikmat kemerdekaan sebagaimana yang telah diterima oleh orang-orang yang tinggal dalam bandar. Saya berasa tidak puas hati juga apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi. Kawasan Batu kalau tidak ada disebut Kampung Baru dia berasa hendak marah. Bagi saya, saya tidak menyebut kalau ada sangkut-paut dengan pembangunan Kampung Baru. Kalau kita bandingkan, apa yang didapati oleh penduduk-penduduk Kampung-kampung Baru dengan yang didapati oleh penduduk-penduduk dalam bandar jauh bezanya, baik yang didapati oleh penduduk-penduduk Kampung Baru. Itupun bagi pihak yang berkenaan masih tidak puashati lagi. Bagi sayapun tidak puashati juga. Seluruh orang-orang laurbandar ini tidak mendapat apa yang mesti didapati oleh orang-orang yang di dalam bandar. Oleh kerana itu saya bersetuju sangat perbelanjaan yang diuntukkan sebanyak \$8 juta untuk jalan-jalan di luar bandar. Adalah diharapkan perkara ini dapat disegerakan. Muga-muga orang di luar-bandar pun boleh berjalan dan menikmati dan merasai bahawa orang-orang luarbandar itu sebagaimana yang dirasai oleh orang-orang di luarbandar juga.

Sekian, terima kasih.

*5.51 ptg.*

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian pendek sahaja dalam perkara ini, terutama sekali Kepala P. 7, muka surat 54 Kepala-kecil 3—Kajian Rancangan peruntukan sebanyak \$5 juta yang kita akan belanja pada tahun ini, saya ingat bolehlah kita kurangkan kerana saya dapati selalunya kita mendapat expert daripada luar ini atau perunding-perunding luar ini iaitu orang puteh, American, German

dan sebagainya. Perunding-perunding ini terlalu mahal, oleh kerana orang putih datang dari jauh. Bila kajian-kajian ini dibuat belanjanya adalah mahal. Jikalau perunding-perunding bangsa kita, orang Malaysia, dapat murah sedikit. Pada masa yang akan datang expert dan perunding untuk membuat jalan dan sebagainya, kebanyakannya expert ini diambil dari luar negeri, sungguhpun kita fikirkan expert luar negeri ini lebih pandai, tetapi sebab banyak orang kita yang lebih pandai lagi dan telah belajar keluar negeri saya ingat orang itu diambil lebih baik, oleh kerana bayarannya murah. Oleh itu, saya harap pada tahun-tahun yang akan datang peruntukan ini dapat dipotong sedikit sekurang-kurangnya satu dua juta ringgit supaya dapat kita beri kepada perunding-perunding dari bangsa Malaysia sendiri, baikpun dia Melayu, Cina ataupun India.

Selain daripada itu, saya suka hendak masuk kepada Perbadanan Pembangunan Bandar, Kepala-kecil 6 muka 55. Nampaknya UDA adalah membina kedai-kedai, hotel-hotel dan lain-lain lagi, kerana dia membangunkan bangunan-bangunan. Saya percaya \$47 juta yang akan digunakan oleh UDA pada tahun hadapan boleh dibelanjakan lebih banyak lagi. UDA, ini adalah Badan Kerajaan yang dapat membeli bahan-bahan yang tidak bercukai daripada luar negeri, misalnya besi yang dapat dari luar negeri dengan harga murah, perkakas-perkakas dan sebagainya dan dengan adanya UDA mempunyai segala-gala perkakas seperti papan, simin, batu-bata, cuma kontraktor itu membina sahaja. Tidak seperti yang dibuat oleh UDA dikontrekkan kesemuanya sekali. Jadi harga bangunan itu lebih tinggi. Kalau dapat begitu, saya ingat boleh dapat dipotong lebih banyak lagi perbelanjaan-perbelanjaan ini.

Tuan Pengerusi, saya masuk kepada Kepala P.7, Pecahan-kepala 7.A—Pembinaan dan Pengambilan Tanah. Ini adalah berkenaan dengan pengambilan tanah Malay Reserve. Pengambilan tanah ini kebanyakannya apabila diambil tanah Malay Reserve ini bayarannya tersangat murah. Pada masa yang akan datang jika sekiranya diambil tanah untuk buat jalan atau public purposes tanah-tanah Malay Reserve ini hendaklah

dinilai sama harganya atau lebih sedikit daripada tanah-tanah lain oleh kerana pada hari ini kita hendak meninggikan taraf hidup bumiputra. Apabila diambil tanah bumiputra dengan dinilai cukup rendah harganya, bagaimanakah kita hendak meninggikan taraf hidup bumiputra, apabila diambil tanah dia untuk public purposes ataupun lain-lain kegunaan Kerajaan maka dibayar semurah-murahnya. Adalah diharap pada masa yang akan datang berkenaan dengan penilaian tanah bumiputra hendaklah diambil dengan harga pasaran mengikut harga tanah-tanah yang lain.

Berkenaan dengan Lembaga Padi dan Beras Negara, Pecahan-kepala 10 muka 56. Ini juga saya harap bangunan-bangunan ini hendaklah kalau dapat dipotongkan. Janganlah didirikan, oleh kerana pada hari ini barang-barang seperti batu-bata (brick), besi dan sebagainya adalah mahal. Jika didirikan kilang-kilang itu apa yang dapat. Misalnya dari papan, tidak usahlah buat kompleks yang mahal-mahal, asalkan dapat kita menggunakannya, jadilah. Oleh kerana kita hendak menggunakan satu-satu bangunan kompleks itu bukanlah berkehendakan kekukuhannya tetapi untuk mengisi kehendak-kehendak kita. Saya harap Lembaga Padi dan Beras Negara menentukan di atas perkara ini supaya jangan membazirkan wang untuk membuat bangunan yang tegap-tegap, tetapi yang sederhanaupun cukuplah.

Kepala P. 7, Pecahan-kepala 15 muka 56—Grants for State Rural Roads, jalan kecil, perigi-perigi dan jambatan-jambatan kecil. Saya nampak kalau jalan-jalan kecil dibuat di kampung bukan dihantarnya gravel, tetapi yang dihantar cuma tanah merah. Apabila hari hujan, cukup lecek. Adalah diharap pada masa yang akan datang betul-betul batu-batu gravel itu dihantar. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara tadi iaitu kalau berkehendakkan 1,000 cubic yard yang datang cuma 800 cubic yard sahaja. Siapa pun tidak menjaganya. Oleh itu diharap pula masa yang akan datang perkara ini dapat dijagai oleh Kerajaan.

Saya tidak ada apa-apa lagi yang hendak saya bangkitkan, saya adalah menyokong di atas peruntukan ini.

(Tuan (Timbalan) Pengerusi *mempengerusikan Jawatankuasa*).

5.58 ptg.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh buku hijau sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 1973, Kepala P. 7, Perdana Menteri, Pecahan-kepala 22 muka 57—Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar—Sarawak yang mendapat sebanyak \$750,000.

Tuan Pengerusi, mengikut peruntukan pembangunan ini adalah lebih daripada peruntukan tahun 1973 dengan tambahan sebanyak \$250,000 bagi tahun 1974. Saya harap bagi rancangan-rancangan projek kecil di luar-luar bandar negeri Sarawak yang sudah lama ditunggu oleh rakyat yang setengah-setengah permohonan telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri dua tiga tahun yang sudah dan seperti yang diketahui projek-projek kecil yang dimaksudkan itu seperti jambatan-jambatan kecil atau jeti dan sebagainya telah mendapat sokongan daripada Majlis Perunding Daerah dan Bahagian untuk mendapatkan peruntukan bagi membuat projek-projek kecil ini bagi faedah rakyat luar bandar daerah saya. Oleh itu, saya yakin dengan adanya peruntukan ini, maka permohonan yang sudah lama mendapat sokongan daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak harus diutamakan bagi menghilangkan keraguan rakyat yang berkenaan di luar-luar bandar dan ada juga daripada projek-projek kecil di luar-luar bandar negeri ini cuma rakyat berkehendakkan wang membeli alat perkakas sahaja seperti membuat surau-surau dan balairaya. Hal yang lain-lain itu adalah dibuat kerja secara gotong-royong oleh rakyat di tempat itu sendiri.

Mengenai B. 12—Kementerian Perpaduan Negara pula, muka 81 Pecahan-kepala 4100—Pemberian, Subsidi dan Carum-carum peruntukan sebanyak \$174,350.

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Tuan Pengerusi, B. 12 belum dikemukakan lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, B. 12 belum dikemukakan lagi.

**Tuan Latip bin Haji Dris:** Baik, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa lagi?

**Tuan Latip bin Haji Dris:** Tidak ada.

6.00 ptg.

**Tuan Lee Seck Fun (Tanjong Malim):** Tuan Pengerusi, saya sukacita mengambil bahagian bercakap sepatah dua dalam Kepala Pembangunan 7—Perdana Menteri, muka 56 Pecahan-kepala 15—Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, dalam kawasan saya ada sebatang jalan di sebuah kampung namanya Kampung Kuala Slim, Slim River. Jalan ini hendaklah melalui satu ladang, Ladang Lima Belas. Apabila kereta-kereta yang hendak melalui jalan ini ke Kampung Kuala Slim itu maka dikenakan bayaran sebanyak \$2. Kampung ini ada penduduk-penduduk yang banyak dan sekolah kebangsaan pun ada di sana dan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Jabatan mana yang mengambil kutipan \$2 itu Yang Berhormat?

**Tuan Lee Seck Fun:** Pihak Ladang Lima Belas.

**Tuan Pengerusi:** Ladang swasta?

**Tuan Lee Seck Fun:** Ya. Mereka dikenakan bayaran \$2 baharu boleh melalui jalan itu, bukan untuk jalan basikal, motosikal atau skuter, tetapi jalan untuk motokar sahaja kena bayar sebanyak \$2 kalau melalui jalan itu. Dengan sebab di situ ada kampung yang besar namanya Kampung Kuala Slim, maka adalah diharap Kerajaan dapat mengambil jalan tersebut dan sekarang jalan inipun bukan jalan yang baik tetapi jalan laterite sahaja. Saya harap Kerajaan boleh mengambil jalan ini, ditarkan jalan itu dan dengan yang demikian akan dapatlah kesenangan kepada penduduk-penduduk di Kampung Kuala Slim itu.

Ada sebatang jalan lagi yang serupa macam itu juga iaitu Jalan Kampung Changkat Sulaiman, Jalan Kampung Tiang Bertarah, Sungkai. Jalan inipun kalau motokar hendak masuk ke kedua-dua kampung ini, kena bayar sebanyak \$2 juga kepada Ladang Sungai Sungkai itu. Kerajaan patutlah mengambil tindakan mengambil jalan ini dan ditarkan jalan tersebut. Penduduk-penduduk di kedua-dua kampung ini adalah ramai dan sudah sampailah masanya yang Kerajaan patutlah mengambil tindakan atas hal ini.

Sekarang saya menyentuh sedikit atas Kepala Pembangunan 9—Jabatan Kehakiman, Pecahan-kepala 1—Bangunan-bangunan Mahkamah, A—Pembinaan dan Pengambilan Tanah. Perkara ini saya sebutkan ialah sebab Tanjong Malim sebagai sebuah pekan yang besar dan saya mendapat tahu tiap-tiap minggu ada kes dijalankan di Mahkamah Tanjong Malim. Bangunan Mahkamah Tanjong Malim itu, saya ingat tidak sesuai lagi pada masa sekarang. Saya harap Kementerian ini akan mengambil tindakan dengan seberapa segera yang boleh supaya dapat sebuah bangunan yang baharu. Saya dapat tahu tapak tanah untuk bangunan inipun pihak Pejabat Tanah sudah mengambil tindakan atas perkara ini dan saya harap Jabatan yang tersebut akan mengambil tindakan atas perkara ini.

6.08 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban Timur):** Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian atas dua-tiga perkara sahaja dan di sini saya hendak cakap di bawah Kepala B. 7, muka 137 dalam Buku Merah.

**Tuan Pengerusi:** Saya fikir eloklah merujuk kepada Federal Budget, 1974 sebab Buku Merah itu explanatory memorandum sahaja, kemudian kita boleh balik kepada Buku Merah.

**Dr Chen Man Hin:** (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, for next year the Lembaga Perancangan Keluarga is going to spend about \$2,961,970, but so far, according to what we know, the result achieved by this Lembaga has not been very encouraging. The birth rate is still high—in the region of 3 per cent.—and if it goes on at this rate, Mr Chairman, I am afraid, according to eminent population experts, it is very likely that the population of Malaysia will double within the next thirty years. No doubt, the Lembaga has tried very much to encourage the people, especially married couples in the lower income group, to plan their families through the medium of their Staff Nurses and by the Family Planning Clinics, but I am afraid that the methods employed so far have not been as effective as they should be. The message has not gone through largely because I think there is a failure of communication between the staff of this Board and the people. People are told that they

should control their family, but they are not told exactly how many children that each family should have. Therefore, I think it is important to hammer home to each individual family, especially those in the lower income group, that they should have, say, not more than two or three children. But just to tell them, do not have any more children, does not mean very much. This message must go through: tell them that they should have not more than two or three children and that a couple with three children is the ideal family. Emphasise on that point and tell them that with this ideal family of two to three children, it is very likely that the living standard of the family will be better than before and they would not have to work so terribly hard to meet ends meet, to meet the educational and food expenses of the children.

I also notice that this Lembaga has not made full use of Government's media of communications, especially mass media like Radio and T.V. In fact, I think TV is a very important and effective source of communications to the people directly, where they can visualise for themselves exactly what is required of them and it should depict what an ideal family should be and what are the advantages of having an ideal family.

I wish to touch on another subject, Tuan Pengerusi, under Kepala B. 7, and that is on Perbadanan Pembangunan Bandar where a \$50 million vote has been allotted to be spent for next year. Mr Chairman, Sir, while I agree with the objectives of the Government that the Malays should have participation in every aspect of the Malaysian society, particularly in the economic sector, I am not sure that they are adopting the proper approach to achieve the target of 30% participation in the business and other economic sector. One valid example is the report in the *Straits Times* today saying that the Johore State Government has decided that the Bumiputras or the SEDC must have 30% share in the case of local companies and 60% in the case of foreign-owned firms for housing development projects. While the target is good, I think this sort of strong-handed measures may not get the objectives as desired. I fear that this sort of approach may even drive away potential investors, be they local or foreign. I think a better approach would be to find

some suitable means where both Malay and non-Malay businessmen or investors could get together and have a free intercourse and exchange of opinions. I also notice that in this country there are separate chambers of commerce—the Chinese Chamber of Commerce, the Indian Chamber of Commerce and now the Malay Chamber of Commerce—which are divided into segmented areas each in its own compartment where there is no free intercourse and change of ideas. Therefore, I would propose to the Urban Development Authority to consider setting up seriously a trade centre where businessmen whatever their race may be, can get together as often as possible to exchange views on investment opportunities and also to exchange sentiments. After all, personal relationship is one of the most important aspect of business. If there is established initially a relationship of trust and mutual confidence, the next step would be to embark upon a business venture. So I suggest strongly to the Urban Development Authority to have trade centres in the cities, in Kuala Lumpur and in other cities where businessmen, whether they be Malays, Chinese or Indians, could get together as often as they can to meet and to exchange views and opinions, like any other trade centres in most of the big cities in the world, where businessmen from different countries congregate to exchange ideas and also push off plans or projects and see whether anybody will take the bait of these projects or not.

Lastly, Sir, also under Kepala B. 7—Majlis Ugama Islam where a vote of \$414,280 has been estimated to be spent next year. Mr Chairman, this country propounds the teaching that while Islam is the official religion, there is religious freedom, that everyone is free to practise his own religion. In this connection, I refer to the announcement by the Minister of Land Development that he plans to introduce legislation whereby the law of “khalwat” will also embrace non-Muslims which means that if a non-Muslim and Muslim are both found to be committing khalwat, then not only the Muslims, but also the non-Muslims may also be pulled into court and probably charged or fined under Muslim Law.

**Tuan Pengerusi:** Did he say so in the papers that the non-Muslims will be fined under Muslim law? Did he say in the civil court?

**Dr Chen Man Hin:** No, Muslim court.

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Untuk penjelasan. Di bawah Undang-undang Penal Code yang akan dibicarakan dalam Mahkamah biasa.

**Tuan Pengerusi:** Civil court, not Muslim court.

**Dr Chen Man Hin:** Whatever the court, the point at issue is whether there is religious freedom or not. If a person is free to practise his own religion. . . .

**Tuan Pengerusi:** I think nobody quarrels with the freedom of practising one's own religion but khalwat is another matter. It has nothing to do with practice of religion.

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Untuk penjelasan. Barangkali perkara ini telah dilaporkan secara salah kerana perkataan “khalwat” ada disebut. Apa yang tersebut dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan ialah cohabitation. Sesiapa sahaja yang melakukan cohabitation antara lelaki dan perempuan yang tidak berkahwin itu yang dijadikan satu perkara kesalahan.

**Tuan Pengerusi:** Carry on!

**Dr Chen Man Hin:** The non-Muslim himself should also have the right to exercise his own beliefs and I think that in this country there is probably the intention to promote muhibbahism and also the intention to promote integration. If the opportunities are not available for non-Muslims and Muslims for integration and if a party who belongs to a different religion is also penalised, I think it is not quite fair, Mr Chairman, Sir, and *vice versa*, probably one of these days in our country the Buddhist may also fine a non-Buddhist for having khalwat or what-have-you. Therefore, Mr Chairman, Sir, I urge the Government to appreciate this and also to practise what it preaches, that while Islam is the official religion, they should also allow other people to practise their own religion and also it

should not attempt to pass laws which may interfere or inhibit free exchange or free contact between the people of this country.

6.19 *ptg.*

**Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh):** (*Dengan izin*) I would refer to page 36, Kepala B. 4 Subhead 1100 (2), Electors and Revision of Election Rolls. With regard to the present practice of registering voters once a year, I would say this practice is most unsatisfactory. This year although the registration of voters was carried out for one month during the month of October, many persons who had attained the age of twenty-one years and those who had changed their places of residence were hard hit by the unusual practice adopted this year of having been asked to go personally to the Registration Office to register. Forms for registration were not supplied even on request to the Registration Officer. When clerks of Members of Parliament went to the Registration Office for forms, they were told forms would not be supplied to anybody and that the person who wanted to be registered had to go personally and get his name registered. Even the attestation by an M.P. was not good enough for the Registration Officer. So the people had to go to the Registration Office, get the forms, come back to the Registration Officer and have it attested by the Registration Officer.

As a result, many persons who were very busy and who were living two, three, four or five miles away from the Registration Office did not make use of this opportunity and the people who benefited were the Registration Officers because there was less work for them as nobody went to the Registration Office and they had an enjoyable time.

There is in Ipoh a new settlement called Buntong Resettlement Area where over a hundred houses have been newly-built and I am told that not one officer went there to register even one name and none of these people who are all daily workers wanted to go to the Registration Office and hang around the Registration Office spending the whole day and losing their job and money. So under these circumstances, the whole of the Buntong Resettlement Area, I understand, has been left out. I suppose

the best way of carrying out this registration system is to have it throughout the year, so that every person who attains the age of 21 years or anyone who changes his place of residence may be able to go to the Registration Office and have his name registered. Thank you.

6.22 *ptg.*

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Tuan Pengerusi, saya memberi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan peruntukan-peruntukan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan saya memberi terima kasih kepada sokongan yang telah diberi dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan dalam Dewan ini. Banyak pandangan-pandangan yang telah diberi dan antaranya pandangan-pandangan yang agak membina dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas pandangan-pandangan itu.

Ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang agak kritikal tentang kedudukan UDA. Ahli Yang Berhormat dari Batu, Ahli Yang Berhormat dari Damansara dan Ahli Yang Berhormat dari Seremban Barat juga telah menyatakan bahawa pada dasarnya mereka menyokong dasar untuk memberi peluang kepada orang-orang Melayu mengambil bahagian yang aktif dalam lapangan perdagangan dan perusahaan tetapi dan tetapi-nya itulah yang patut dititikberatkan dalam mendengar ucapan dan pandangan mereka itu, tetapi mereka merasa tidak senang dengan langkah-langkah yang dijalankan oleh UDA. Yang sebenarnya, UDA adalah sebuah agensi Kerajaan untuk menjalankan Dasar Ekonomi Baru bagi menyusun semula masyarakat Malaysia dan UDA adalah memikul tanggungjawab yang besar dalam menjalankan tugas yang diletakkan kepadanya.

Saya tidak faham rungutan Ahli Yang Berhormat dari Damansara yang meminta satu suruhanjaya semua parti mengawasi UDA. Kenapakah UDA sahaja yang memerlukan suruhanjaya seluruh parti untuk menyeliannya. Tidakkah ini satu pandangan yang prejudice kepada dasar Kerajaan yang dikatakan disokong oleh Parti Pembangkang

seluruhnya untuk menyusun semula masyarakat Malaysia ini. Adakah mereka sendiri inginkan kebahagiaan, kesempurnaan, perpaduan dan keselamatan negara kita pada masa hadapan. Adakah mereka sebenarnya mempunyai taat setia yang tidak berbelah-bahagi kepada negara ini yang hanya akan dapat dicapai dengan menjalankan usaha-usaha yang boleh menjamin kestabilan ekonomi dan politik yang sebenarnya pada masa yang akan datang.

Saya sangat dukacita di atas pandangan-pandangan yang berat sebelah yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada sebelah sana dalam perkara ini, dan saya berharap bahawa pandangan-pandangan ini tidak akan merupakan suatu pernyataan bahawa mereka sebenarnya tidak menaruh kasih sayang kepada masa depan dan keselamatan negara ini pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka telah menimbulkan beberapa perkara. Saya suka menyatakan bahawa belanja untuk Majlis Keselamatan Negara yang bertambah pada tahun ini ialah bukan kerana keadaan keselamatan negara adalah begitu buruk sekali, tetapi kerana jentera menjalankan soal keselamatan dan Majlis Keselamatan Negara sendiri memerlukan kakitangan-kakitangan yang bertambah dan sebab itulah maka peruntukan untuk Majlis Keselamatan Negara ini bertambah pada tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka juga ada menyentuh tentang perkara seorang anak perempuan yang telah lari daripada rumah bapanya, tetapi oleh kerana perkara ini baru ditimbulkan dalam Dewan ini, maka perlukah perkara ini disiasat kepada Majlis Ugama Islam Negeri Johor, kerana soal ini soal bersangkutan-paut dengan Ugama Islam.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain telah banyak menimbulkan soal-soal yang bersangkutan-paut dengan Suruhanjaya Pilihanraya, dan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka mengatakan kononnya ada diskriminasi oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam mendaftarkan pengundi-pengundi. Saya suka menafikan dengan sekuatkuatnya akan tuduhannya, kerana sebenarnya pendaftaran pengundi dijalankan tiap-tiap tahun selama 30 hari dan tempoh itu adalah dirasa cukup. Memang ada cadangan yang sedang dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengadakan pendaftaran sepanjang masa, tetapi perkara itu masih dalam pertimbangan dan pada perhitungan yang telah dibuat pada masa ini jikalau sistem itu dijalankan pada masa ini akan memakan belanja yang terlalu besar iaitu lebih daripada \$2 juta, padahal belanja yang diperlukan sekarang tidak sampai \$1 juta. Oleh pertimbangan ini dan pertimbangan yang lain-lain lagi, maka sistem mengadakan pendaftaran terus-menerus atau automatic legislation ini masih dalam pertimbangan lagi.

Saya suka juga . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung jawapannya pada petang esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*